

BAB I

BAB I

MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB DAN DAKWAHNYA

A. MUHAMMAD IBN ABD AL-WAHHAB DAN KELUARGANYA

(a) Kelahiran

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dilahirkan pada tahun 1115H.¹ bersamaan tahun 1703M.² di 'Uyaynah sebuah daerah terletak kira-kira 45 kilometer di utara Riyadh, Arab Saudi.

Di daerah 'Uyaynah, tempat kelahiran beliau, terdapat dua buah keluarga yang terkenal dan berkedudukan tinggi. Pertama, keluarga **al-Muammar**, iaitu keluarga Amir yang memerintah, dan kedua, keluarga

-
1. Husayn Ibn Ghannam, *Tarikh Najd al-Musamma Rawdah al-Afkar wa al-Afham*, cet. 3, jil. 1, Matabi' Syarikat al-Safahat al-Dhahabiyyah, Riyadh, 1403H., hlm. 75, Shaykh Othman Ibn Basyr, *Unwan al-Majd al-Najd*, cet. 3, jld. 1, 1385H., hlm. 128.
 2. Al-Sayyid Ahmad Zayni Dahlan menyebut: Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dilahirkan pada tahun 1111H., bersamaan tahun 1206M. Tetapi pendapat ini tidak kuat. Lihat kitabnya: *al-Darar al-Saniyyah fi al-Rad 'ala al-Wahabiyyah*, Dar Jawami' al-Kalim, Kaherah, t.t., hlm. 148.

al-Mushrif, iaitu keluarga nenek moyang Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sendiri. Keluarga **al-Mushrif** merupakan sebuah keluarga yang terkenal bijak dan 'alim serta mempunyai ilmu pengetahuan yang luas. Daripada keluarga ini lahir ramai ulama' sehingga ada di antaranya yang dilantik menjadi mufti dan kadi.¹

Ahli sejarah berselisih pendapat mengenai salasilah keturunan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Golongan terbanyak menyebut bahawa beliau ialah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Ibn Sulaiman Ibn 'Ali Ibn Muhammad Ibn Ahmad Ibn Rashid Ibn Burayd Ibn Muhammad Ibn Burayd Ibn Mushrif Ibn 'Umar Ibn Mu'adad Ibn Ris Ibn Zakir Ibn Muhammad Ibn 'Alwi Ibn Wuhayb Ibn Qasim Ibn Musa Ibn Mas'ud Ibn 'Aqabah Ibn Sunay' Ibn Nahshal Ibn Shadad Ibn Zuhayr Ibn Shihab Ibn Rabi'ah Ibn Abu Mas'ud Ibn Malik Ibn Hanzalah Ibn Malik Ibn Zayd Ibn Manat Ibn Tamim Ibn Murr Ibn 'Ad Ibn Tabikhah Ibn Ilyas Ibn Mudar Ibn Nizar Ibn Ma'ad Ibn 'Adnan.²

Ulama' sepakat mengatakan bahawa beliau berasal daripada kabilan Bani Tamin. Sebab itu beliau dipanggil dengan "**Muhammad Ibn Abd al-Wahhab al-Tamimi**". Gelaran

-
1. Akan disebut beberapa contoh lepas ini.
 2. Dr. Munir al-Ajlani, **Tarikh al-Bilad al-Arabiyyah al-Saudiyyah**, jld. 1, Dar al-Khatib al-Arabi, t.t., hlm. 176 - 177.

"*al-Tamimi*" ini diambil sempena nama Tamin Ibn Murr Ibn 'Ad Ibn Tabikhah Ibn Ilyas Ibn Mudhar Ibn Nizar Ibn Maad Ib Adnan.¹

Ramai ahli sejarah menyebut bahawa nasab salasilah keturunan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bertemu dengan Muhammad s.a.w. pada Ilyas Ibn Mudhar Ibn Nizar Ibn Maad Ibn Adnan.²

(b) **Keluarga Muhammad Ibn Abd al-Wahhab**

Keluarga beliau terdiri daripada keluarga yang baik, luas ilmu pengetahuan agama, alim dan bijak. Ayah beliau Abd al-Wahhab seorang ulama' yang terkenal alim dalam berbagai bidang ilmu keagamaan seperti dalam ilmu Fiqh, Hadith, tafsir, ulum al-Qur'an, bahasa Arab dan lain-lain. Beliau menjadikan masjid dan rumahnya sebagai tempat mengajar dan berdakwah. Sambutan yang diberi oleh orang ramai sangat menggalakkan. Beliau banyak mengarang kitab Fiqh mazhab Hanbali dan Tafsir.³

-
1. Lihat salasilah keturunan beliau sebelum ini.
 2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 177. Abd Rahman Ibn Abd Latif Ali al-Shaykh, *Masyahir Ulama' Najd Wa Ghairuhum*, Dar al-Yamamah, 1394H, cet. 2, hlm. 90. Ahmad Abd Ghafur Attar, *Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab*, Cet. 3, Maktab al-Urfan, Beirut, 1392H/1972M, hlm. 28.
 3. Ahmad Abd. al-Ghafur 'Attar, *op.cit.*, hlm. 30.

Kerana beliau seorang ulama besar dan mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, beliau telah dilantik menjadi kadi di 'Uyaynah. Kemudian dilantik pula di Huraymila setelah beliau berpindah ke sana.¹

Abd al-Wahhab adalah seorang ulama' yang berakhlik mulia, tenang hati, merendah diri, **tawaddhuk**, pemurah dan mempunyai kehebatan. Dari segi aqidah beliau berpegang kepada mazhab **Salaf**, manakala dari segi Fiqh beliau mengikut mazhab Hanbali.²

Manakala datuk Muhammad iaitu Sulaiman Ibn Ali juga merupakan seorang ulama' yang terkenal dan masyhur bukan sahaja di 'Uyaynah bahkan terkenal di seluruh Najd. Beliau juga merupakan seorang ulama' yang alim dalam Fiqh Mazhab Hanbali dan Fiqh mazhab-mazhab lain.³ Beliau menjadi tumpuan orang ramai untuk bertanya mengenai hukum-hakam dalam mazhab Hanbali dan dilantik menjadi kadi semasa Amir Abdullah Ibn Muammar memerintah 'Uyaynah. Kerana kealiman beliau, ramai orang datang belajar dengannya sama ada dari jauh dan dekat untuk mendapatkan penjelasan mengenai hukum dan fatwa yang berkaitan dengan masalah-masalah yang tidak

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 172.

2. Ahmad Abd al-Ghafur 'Attar, *op.cit.*, hlm. 30.

3. *Ibid.*

terjawab oleh ulama'-ulama' lain. Beliau ada mengarang kitab-kitab agama seperti Kitab **al-Manasik** dan mensyarah Kitab **al-Iqnaa**. Tetapi oleh kerana Shaykh al-Bahuti telah mensyarahkan kitab itu lebih dahulu daripadanya, beliau merosakkan kitab tersebut kerana tidak mahu menyakiti perasaan orang lain.¹

Shaykh Sulaiman di samping terkenal sebagai seorang alim dan seorang fuqaha khususnya dalam mazhab Hanbali, beliau juga terkenal sebagai seorang ulama' yang berbudi mulia, pemurah, banyak menderma dan bersedekah terutamanya kepada pelajar-pelajar miskin dan orang awam yang datang berjumpa dengannya. Pelajar-pelajar miskin yang tinggal di rumahnya diberi makan dan minum percuma daripada harta beliau sendiri.²

Beliau merupakan seorang ulama' yang dihormati dan disayangi oleh masyarakat dan juga pihak pemerintah termasuk Amir Abdullah Ibn Muammar sehingga Baginda Amir Abdullah tidak membuat sesuatu keputusan kecuali terlebih dahulu Baginda berunding dengan Shaykh Sulaiman dan mengambil buah fikirannya. Beliau menjadi tempat Baginda merujuk sesuatu hukum dan fatwa.³ Oleh

1. Dr. Munir al-Ajlani, **op.cit.**, hlm. 174 - 175.

2. Ahmad Abd al-Ghafur 'Attar, **op.cit.**, hlm. 28 - 29.

3. **Ibid.**, hlm. 34.

kerana hubungan baik di antara keduanya, banyak perperangan yang berlaku, Shaykh Sulaiman turut serta bersama dengan Amir Abdullah di dalam perperangan tersebut bagi menentang musuh. Kehadiran beliau dalam perperangan boleh menambah semangat tentera di medan perang.¹

Huraian di atas jelas menunjukkan bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dilahirkan daripada kalangan keluarga yang baik dan ulama' yang masyhur.

1. *Ibid.*

B. SUASANA MASYARAKAT ISLAM DI SEMENANJUNG ARAB
SEBELUM KELAHIRAN DAKWAHNYA

(a) Pendahuluan

Sebelum membincangkan mengenai dakwah dan ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan lebih luas, terlebih dahulu perlu diterangkan suasana dan keadaan masyarakat di Semenanjung Tanah Arab lebih-lebih lagi di Najd tempat kelahiran beliau.

Setelah dibuat kajian dan penyelidikan didapati suasana dan keadaan di Semenanjung Tanah Arab di waktu itu termasuk di Najd pada keseluruhannya hampir sama dengan suasana dan keadaan di tempat-tempat lain di dunia Islam. Pada umumnya umat Islam jauh dari ajaran Islam yang sebenar, kejahilan menyelubungi mereka, rebutan kuasa pemerintahan, bunuh membunuh sering berlaku, amalan-amalan syirik, khurafat dan bid'ah menjadi amalan biasa bagi segolongan besar umat Islam.

Untuk lebih jelas di bawah ini penulis sebutkan keadaan dan suasana politik, sosial dan agama di Semenanjung Tanah Arab dengan lebih detil.

(b) Keadaan Dan Suasana Politik Dan Sosial

Semenanjung Tanah Arab waktu itu walaupun pada umumnya terletak di bawah kekuasaan kerajaan Othmaniah Turki - Tetapi pada hakikatnya ia diserah kuasa kepada keturunan Syarif yang berpusat di Hijaz.¹ Pun begitu bukanlah bererti kesemua Semenanjung Tanah Arab itu di kuasainya bahkan mereka hanya menguasai kawasan Hijaz (Mekkah dan Madinah) sahaja. Manakala di Najd dikuasai oleh berbagai-bagai kabilah mengikut berlainan tempat, kerajaan pusat Othmaniah tidak memain peranan penting dalam pentadbiran dan pemerintah di situ, bahkan kuasanya diserah kepada Bani Syarif, keamanan dan kepentingan rakyat tidak dijaganya, hukum-hukum syarak tidak dijalankan dengan sepatutnya, pungutan zakat tidak ditadbir dengan baik, jenayah tidak dikawal, penjenayah tidak dihukum dengan hukum syarak.²

Kelemahan pihak kerajaan pusat dan pihak wakilnya dari golongan Syarif di Hijaz, menyebabkan kawasan Najd dikuasai oleh ketua-ketua kabilah tertentu

-
1. Amin Said, *Tarikh al-Daulah al-Saudiyyah Min Muhammad Ibn Saud Ila 'Ahd Abd. Aziz*, Matbaah Dar al-Malik Abd. Aziz, Riyadzh, 1972, hlm. 32.
 2. *Ibid.*, hlm. 41, Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *Tarikh al-Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab wa Atharuhu fi al-Alam al-Islami*, Universiti Ummu al-Qura, Mekkah, 1402-1982, hlm. 16.

mengikut perbezaan tempat. Pemerintah-pemerintah ini pada umumnya mengutamakan kepentingan diri sendiri. Untuk itu mereka melaksanakan hukuman yang sesuai dengan kehendak diri mereka, mereka mempunyai kuasa mutlak ke atas negeri dan rakyat yang dikuasainya, mereka mengenakan cukai-cukai kepada rakyat untuk kepentingan pemerintahnya. Mereka memerintah ala pemerintahan zaman jahiliah dahulu. Bagi mereka tidak perlu mengikut hukum dan syariat Islam.¹

Kawasan Najd dibiar dikuasai oleh beberapa kabilah, umpamannya di Uyainah dikuasai oleh keluarga **Al-Muammar**, Diriyah diperintah oleh keluarga Saud, keluarga Khalid berkuasa di Ihsaa, keluarga Hazal menguasai di Najran, keluarga Ali di bahagian Utara, keluarga Ibn Duwais di Riyadh dan keluarga al-Sultan menguasai 'Ummman.²

Ahmad Amin menyebut keadaan dan suasana di Semenanjung Tanah Arab di waktu itu katanya:

"Sewaktu Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab memulakan dakwahnya didapati hampir sama dengan zaman jahiliah. Beberapa kabilah menguasai di

1. Amin Said, **op.cit.**, hlm. 37.

2. **Ibid.**

sesuatu tempat tertentu, di Ihsaa dikuasai oleh Amir tertentu, di Asir dikuasai oleh Amir yang lain pula, di Najd dikuasai oleh Amir lain lagi, begitulah seterusnya. Pemerintah memerintah dengan zalim dan kejam, permusuhan dan peperangan sering berlaku antara satu kabilah dengan kabilah yang lain.¹

Ahmad Abd. Gafur Attar menjelaskan kedudukan dan keadaan politik dan sosial di Semenanjung Tanah Arab dengan panjang lebar, antara lain dia menyebut:

"Keadaan dan suasana politik dan sosial sama buruknya dengan keadaan agama, akhlak dan akidah. Hukum Islam sudah tidak dijalankan. Setiap daerah berpisah dari daerah yang lain, lebih-lebih lagi berpisah dari kerajaan pusat Othmaniah. Masing-masing diperintah oleh pemerintah yang jahil ajaran dan hukum agama, mereka memerintah dengan mengikuti kehendak hawa nafsu dan fikirannya semata-mata, tidak berpandu kepada pertunjuk Islam. Yang kuat memerangi yang lemah, perbalahan dan peperangan sering berlaku yang mengakibatkan terbunuh ramai rakyat yang tidak berdosa termasuk orang tua, dewasa, kanak-kanak dan seterusnya, berlakunya pencabulan terhadap kaum perempuan dan lain-lain lagi."

"Kerana kedudukan dan suasana politik yang kucir kacir dan tidak tenteram menyebabkan rakyat hidup dalam kesusahan, huru-hara, kemiskinan, kesempitan hidup dan

1. Ahmad Amin, *Zuama' al-Islah fi al-Asri al-Hadith*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.t., hlm. 17.

sebagainya. Sebab itu rompakan, samun menyamun, mencuri dan sebagainya sering berlaku sehingga dikatakan ada yang membunuh saudaranya sendiri demi untuk mendapat sedikit bekalan untuk hidup."¹

Manakala Hussin Ahmad Hassun pula menyebut bahawa penduduk di sekitar Najd selalu bermusuh-musuhan sesama mereka dengan sesuatu sebab yang kecil, sehingga negeri-negeri di Najd menjadi medan perperangan dan pembunuhan, kanak-kanak dibunuh, kaum perempuan ditangkap dan dijual kepada orang-orang tertentu. Kerana timbulnya huru-hara yang begitu rupa, pencuri mengambil peluang mencuri, merampas dan merompak harta orang di mana-mana sahaja. Pertumpahan darah selalu berlaku sehingga kehidupan rakyat terancam.²

Secrang cucu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bernama Abd. Rahman bin Abd. Latif menjelaskan suasana masyarakat Najd waktu itu dengan menyebut bahawa Riyadh waktu itu diperintah oleh seorang Amir yang sangat zalim dan keras tidak takut kepada Allah dan tidak ada kasihan belas kepada rakyat. Ramai rakyat yang tidak

1. Ahmad Abd. Gafur Attar, *op.cit.*, hal. 22.

2. Hassan Ahmad Hassun, *Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab*, cet. I, Al-Dar al-Saudiyyah Li al-Nasyr wa al-Tauzi, 1980, hlm. 12.

bersalah dibunuhnya. Ada diceritakan suatu hari kerana marah kepada seorang perempuan dia menyuruh pegawainya menjahit mulut perempuan tersebut dengan benang. Selain itu beberapa orang lelaki diseksanya dengan diikat beramai-ramai di bukit, kemudian dimasukkan ke dalam penjara berminggu-minggu tanpa diberi makan dan minum sehingga ada yang mati kelaparan dan kehausan.¹

Dari huraian di atas jelaslah kepada kita bahawa suasana atau keadaan politik dan sosial di Semenanjung Tanah Arab termasuk di Najd tidak menampakkan suasana sebuah negara Islam tempat lahirnya ajaran Islam, bahkan hampir sama dengan masyarakat jahiliah, yang pemerintahnya memerintah dengan undang-undang sendiri, undang-undang hawa nafsu. Keadaan yang sedemikian rupa tentunya sangat-sangat memerlukan kepada lahirnya seorang **muslih** (reformer) yang dapat merubah suasana yang jahat kepada baik, yang rosak dapat diperbaikinya. Maka lahirnya Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab di waktu itu membawa dakwahnya dan merobahkan suasana sehingga dianggap mendapat suatu kejayaan besar.

1. Hussin Ahmad Hassun, *op.cit.*, hlm. 13-14. Ahmad Abd. Gafur Attar, *op.cit.*, hal. 22-24.

(c) Keadaan dan Suasana Akidah dan Agama

Keadaan dan suasana akidah dan pegangan agama penduduk di Semenanjung Tanah Arab termasuk di Najd di waktu itu lebih kurang sama dengan keadaan kerosakan politik dan sosial. Ramai penduduk tidak faham ajaran Islam yang sebenar kecuali segolongan kecil kalangan ulama' sahaja. Orang ramai tidak menunai kewajipan agama dengan baik, ramai yang tidak berpuasa dan meninggalkan sembahyang lima waktu. Amalan syirik, memuja kubur dan mengamal kerja khurafat dan bid'ah berlaku di mana-mana. Ramai penulis menjelaskan hal ini antara lain, Ahmad Abd. Ghafur Attar Ahmad Abd. Ghafur Attar menyebut:

"Orang ramai melakukan sesuatu mengikut kehendak hawa nafsu masing-masing, melakukan syirik, bid'ah dan khurafat. Pemujaan terhadap sesuatu benda berunsur berhala tersebar dengan meluas. Mereka memuja kubur-kubur yang dianggap keramat, memuja pokok-pokok kayu dan batu-batu besar, meminta sesuatu daripadanya. Di samping itu mereka yakin perkara tersebut boleh memberi manfaat dan faedah kepada mereka, juga menganggap benda-benda tersebut boleh menolak sesuatu bala bencana yang akan menimpa."¹

1. Ahmad Abd. Gafur Attar, *op.cit.*, hlm. 15-16.

Shaykh Othman Ibn Basyr menjelaskan mengenai penyelewengan akidah dan agama masyarakat Islam waktu itu katanya:

"Akidah syirik di Najd dan di tempat-tempat lain merebak dengan meluas di waktu itu. Ramai orang beriktikad dan yakin ada pokok-pokok kayu, batu, kubur-kubur dan binaan-binaan di atasnya (mempunyai kuasa) kerana itu ramai orang mengambil berkat dan bernazar kepadanya, meminta perlindungan daripadanya, membawa makanan-makanan untuk dijamu kepadanya, atau disediakan makanan tertentu dan diletakkan berhampiran rumah dijadikan makanan jin, dengan harapan penyakit yang dihidapi akan sembuh dan bagi menjauhi diri mereka dari terkena bala bencana."¹

Ahmad Amin pula menyebut:

"(Waktu itu) ramai orang datang mengunjungi kubur-kubur orang wali dan bernazar kepadanya dengan berbagai jenis nazar juga mereka yakin bahwa wali yang mati berkuasa memberi sesuatu manfaat dan kebaikan kepada mereka atau mengenakan sesuatu bala bencana kepadanya, kerana itu mereka memohon sesuatu kepada tuan kubur (roh para wali atau roh yang dikira keramat)."²

-
1. Shaykh Othman Ibn Basyr, *op.cit.*, hlm. 9.
 2. Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 11.

Waktu itu dikatakan kebanyakan kawasan Semenanjung Tanah Arab sebagai tanah subur tempat lahirnya berbagai jenis khurafat, bid'ah dan syirik. Semuanya berpunca dari kejahilan dan kepercayaan karut yang menyeleweng dari akidah sebenar."¹

Bukan itu sahaja bahkan lebih teruk dari itu sehingga ramai yang percaya pokok tamar dan gua disebuah bukit dikatakan ada kuasa luar biasa. Di Manfuah berdekatan bandar Riyadh sekarang ada sepohor pokok tamar jantan dipanggil Fahhal "فحال", orang ramai percaya pokok itu keramat boleh memberi pertclongan kepada orang yang memohon sesuatu kepadanya. Mereka percaya jika seseorang miskin, orang yang berada dalam kesusahan atau yang sakit atau sebagainya apabila pergi memohon kepada pokok itu mereka akan perolehi rezeki yang diminta, boleh terlepas dari kesusahan dan penyakit yang dihidapi akan sembuh. Kerana itu ramai perempuan dara tua yang masih belum dipinang orang datang mengunjungi pokok itu lalu merayu dan memohon kepadanya supaya ditemukan jodoh dengan mana-mana lelaki yang sesuai sebelum berakhirnya tahun itu juga.²

-
1. Husayn Ibn Ghannam, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 12.
 2. Ahmad Abd. Gafur Attar, *op.cit.*, hlm. 20.

Di tempat lain pula ada orang ramai memuja pokok dan bangunan **kubbah** yang dibina di atas kubur. Ada yang memuja pokok Tarifiah diWadi Hanifah, dan pokok Zibb, mereka datang ke situ bernazar mengambil berkat dan **bertawassul** dengannya, mengantung cuping-cuping kain didahannya. Ada juga dari kalangan mereka apabila seorang ibu melahirkan anak di bawanya anak itu ke pokok tersebut dan memohon daripadanya supaya dipanjangkan umurnya, lepas itu digantungnya buah tasbih, atau cupingan kain sebagai ambil berkat dan lain-lain.¹

Di Diriyyah pula di kaki sebuah bukit ada sebuah gua besar dianggap oleh orang mempunyai keramat dan dapat menolong mereka, kerana itu mereka pergi memohon sesuatu hajat dari gua itu di samping membawa makanan dan minuman untuk dijamu kepada jin atau penunggu yang ada di situ.²

Kerana penyelewengan akidah sedemikian rupa Muhammad Ibn Abi al-Wahhab akhirnya - setelah dapat kuasa - bangkit menghapuskan gejala syirik itu dengan menebang pokok-pokok yang dipuja oleh orang ramai dan diroboh serta dirosakkan **kubbah-kubbah** di atas kubur

1. *Ibid.*, hlm. 11.

2. Hassan Ahmad Hassun, *op.cit.* hal. 11.

yang dianggap keramat dan lain-lain.¹

Selain itu, ramai umat Islam tidak pandai membaca al-Qur'an dengan baik dan tidak dapat memahami maksudnya, walaupun al-Qur'an itu diturun dalam bahasa Arab bahasa mereka sendiri. Orang ramai lebih suka mengabai kewajipan sembahyang, zakat dan haji. Ada dari mereka tidak tahu arah kiblat atau dengan kata lain mereka telah kembali ke zaman jahaliah. Tetapi dengan datangnya Muhammad Ibn. Abd. al-Wahhab mengajak mereka kembali kepada Islam, masyarakat mula berubah kepada lebih baik. Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab semenjak muda hingga matinya tidak jemu-jemu mengajak orang ramai kembali kepada al-Qur'an dan sunnah Rasul. Beliau menjalankan dakwah selama hampir setengah abad sehingga akhirnya dakwah beliau tersebar ke seluruh Tanah Arab.²

Demikianlah gambaran ringkas keadaan dan suasana masyarakat Islam di Semenanjung Tanah Arab khususnya di Najd sewaktu sebelum kelahiran dakwah Muhammad Abd. Wahhab, mereka rosak dalam berbagai bidang, dalam bidang politik, sosial, ekonomi dan akidah. Kesemuanya menampakkan rata-rata umat Islam ketika itu berada jauh

1. Amin Said, *op.cit.*, hlm. 36.

2. Amin al-Raihan, *Tarikh Najd al-Hadith wa Mulhaqatuhu*, cet. 2, Dar Raihan, Beirut, 1954, hlm. 36.

dari ajaran Islam yang sebenar. Mereka lebih hampir seperti masyarakat jahiliah dahulu, amalan-amalan syirik, khurafat, merompak, mencuri dan sebagainya berlaku di mana-mana, rakyat pada umumnya menyeleweng jauh dari ajaran Islam kecuali sedikit golongan ulama' dan orang-orang soleh yang dipelihara oleh Allah.

Hal demikian perlu lahirnya seorang **muslih** yang berwibawa bangkit mendakwah dan mengajak masyarakat kembali kepada menghayati Islam yang murni berasaskan ajaran al-Qur'an dan sunnah Rasul.

C. PENGAJIAN BELIAU DAN GURU-GURUNYA

Semenjak kecil lagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab belajar al-Quran di rumahnya sendiri sehingga sebelum berumur 10 tahun beliau telah menghafal semuanya.¹

Selepas itu beliau belajar dengan ayahnya Fiqh mazhab Hanbali, tafsir, Hadith, aqidah dan bahasa Arab. Dari kecil lagi didapati beliau seorang kanak-kanak yang bijak, cerdik, kuat daya ingatan dan cepat memahami sesuatu pelajaran. Kerana itulah dalam beberapa tahun sahaja beliau telah dapat memahami pelajaran agama dan bahasa Arab dengan baik.

Beliau seorang pelajar yang rajin membaca, sentiasa menghabiskan masanya dengan membaca dan mentelaah kitab-kitab yang dipelajarinya. Oleh kerana itulah pencapaiannya dalam pelajaran sangat baik. Ayahnya sendiri mengaku dia dapat banyak faedah dalam hukum-hukum agama dari anaknya Muhammad.² Saudara

-
1. Abdul Aziz Saiyyid al-Ahli, *Daiyah al-Tawhid Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab*, cet. 2, Dar al-Ilmi li al-Malayin, Beirut, 1977, hlm. 43.
 2. Muhammad Kamal Jum'ah, *Intisyar Da'wah al-Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab Kharij al-Jazirah al-Arabiyyah*, Matbaah Darah al-Malik Abdul Aziz, 1401H., hlm. 33 - 34.

beliau Sulaiman Ibn Abd al-Wahhab pernah berkata, "Ayahnya hairan dengan kefahaman beliau (Muhammad) dan mengaku bahawa dia banyak memperolehi ilmu daripada Muhammad walaupun umurnya pada waktu itu masih muda.¹

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang yang cintakan ilmu pengetahuan, dia mahu menimba ilmu agama sebanyak mungkin. Ayahnya pula memahami cita-cita tinggi anaknya. Sebab itulah dia membenarkan anaknya musafir ke seluruh negara Arab yang menjadi tempat gedung ilmu agama ketika itu sama ada di negeri yang berdekatan ataupun jauh. Kerana itu beliau pergi ke Makkah, Madinah, Basrah, Baghdad dan lain-lain lagi.²

Setelah Muhammad mempelajari pekara-perkara asas agama daripada ayahnya di Uyainah dan setelah beliau memahami mengenai ilmu tauhid dan perkara-perkara bid'ah dan khurafat yang menyesatkan,³ beliau meminta kebenaran daripada ayahnya untuk pergi ke Makkah bagi menunaikan haji. Permintaan beliau diperkenankan oleh ayahnya. Semasa itu beliau masih berumur 13 tahun.

-
1. Abdul Rahman Ibn Abdul Latif Ali al-Shaykh, *op.cit.*, hlm. 43.
 2. Akan diterangkan dengan lebih jelas lepas ini.
 3. Salahuddin al-Mukhtar, *Tarikh al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah*, cet. I, jid. 1, Dar Maktabah al-Hayat, Beirut I, 1376H./1957M., hlm. 36.

Semasa di Makkah setelah selesai menunaikan haji dan umrah, beliau sempat belajar dengan beberapa orang ulama'. Selepas itu beliau pergi ke Madinah.¹ Setelah hampir sebulan di sana beliau pulang semula ke Uyainah dan belajar lagi dengan ayahnya Fiqh Hanbali, Selepas itu sekali lagi beliau datang ke Hijaz khusus untuk menuntut ilmu agama.² Semasa di Madinah beliau melihat gejala-gejala syirik yang dianggap sebagai perkara keagamaan banyak dilakukan oleh orang ramai. Hal ini telah membangkitkan semangat beliau untuk menegur dan menentangnya.³ Di sini beliau belajar ilmu agama dengan beberapa orang ulama', termasuk dengan Shaykh Abdullah Ibn Ibrahim Ibn Saif dari keturunan al-Saif al-Najd.⁴ Banyak ilmu yang dipelajari daripada Shaykh Abdullah ini terutama mengenai Hadith. Gurunya sangat sayang kepadanya. Akhirnya perhubungan di antara kedua-dua mereka itu menjadi lebih erat dan mesra sekali.⁵ Suatu hari Muhammad Ibn al-Wahhab datang menziarahi gurunya Shaykh Abdullah. Gurunya berkata kepada beliau, "Adakah kamu suka hendak melihat senjata yang aku sediakan untuk

1. Abd. Aziz Sayyid al-Ahli, *op.cit.*, hlm. 46.

2. Abd. Rahman Ibn Abd. Latif, *op.cit.*, hlm. 22.

3. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 34.

4. *Ibid.*

5. Ahmad Abd al-Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 38.

(orang di daerah Mujmah)?" Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjawab, "Ya! Lalu gurunya membawa beliau ke sebuah dewan besar yang penuh dengan kitab-kitab, kemudian dia berkata, "Inilah senjata yang aku sediakan untuk penduduk Mujmah" (Setelah mendengar kata-kata gurunya) Muhammad berkata, "Alangkah baiknya nikmat yang engkau sediakan."¹

Kata-kata gurunya itu telah menjadi satu perangsang kepada beliau untuk menambah ilmu pengetahuan semasa belajar. Shaykh Abdullah sangat hairan dengan kecerdikan Muhammad. Akhlaknya yang baik, merendah diri, mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan minatnya yang sentiasa ingin menambahkan ilmu pengetahuan, lalu diijazahkannya pelajaran Hadith²

Gurunya Shaykh Abdullah juga mengijazahkan kepada beliau segala apa yang ada di dalam kitab Shaykh Abd Kadir al-Hanbali yang meliputi Sahih al-Bukhari sekali dengan sanadnya sehingga sampai kepada pengarangnya, Sahih Muslim dan syarah keduanya, Sunan Tarmizi, Sunan al-Nasai, Sunan Abu Daud, Sunan Ibn Majah, Sunan al-Darimi, Masnad Imam al-Syafi'i, Muwatta Imam Malik, Masnah Imam Ahmad, Ma'ajim al-Tabrani, kitab-kitab

1. *Ibid.*, hlm. 38

2. *Ibid.*, hlm. 39.

karangan Imam al-Nawawi, kitab-kitab karangan Ibn Hajar al-Asqalani, Kitab *Qadi Iyadh* dan lain-lain lagi.¹

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab juga belajar di Madinah dengan Shaykh Muhammad Hayat al-Sindi, seorang fuqaha' dan ulama' hadith setelah diperkenalkan oleh Shaykh Abdullah kepadanya.²

Suatu hari Muhammad Ibn Abd al-Wahhab melihat orang ramai berada di kubur Nabi s.a.w. Mereka berdoa, *beristighathah* dan melakukan perkara-perkara yang menyalahi apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. Beliau menegur dan menasihati mereka dengan baik dan menerangkan kepada mereka perkara yang sebenarnya dengan jelas. Ketika itu dia melihat gurunya Shaykh Muhammad al-Sindi datang ke arahnya. Lalu disambutnya serta bertanya kepadanya, "Apakah pandangan tuan guru terhadap mereka yang melakukan perkara tersebut."³ Gurunya menjawab dengan membaca ayat al-Quran:⁴

1. *Ibid.*

2. Salahuddin al-Mukhtar, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 36.

3. Shaykh Othman Ibn Bisyr, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 10.

4. Surah al-A'raf ayat 139.

ان هؤلاء متبر ما هم فيه وباطل ما كانوا يعملون

Maksudnya:

"Sesungguhnya mereka (penyembah-penyembah berhala itu) akan dihancurkan apa yang mereka berada di dalamnya (dari perbuatan syirik) dan tetaplah salahnya apa yang mereka kerjakan itu."

Daripada jawapan gurunya itu jelas menunjukkan bahawa apa yang dilakukan oleh orang ramai berdekatan dengan kubur Baginda s.a.w. itu adalah karut dan menyeleweng daripada aqidah yang sebenar. Kalau tidak, tentu gurunya tidak membaca ayat tersebut.

Selain daripada kedua-dua gurunya di atas beliau juga belajar di Madinah dengan Shaykh Ali Afandi al-Daghastani, Shaykh Ismail al-Ajlani, Shaykh Abd Latif al-Afaliqi al-Ihsai, Shaykh Muhammad al-Afaliqi al-Ihsai dan lain-lain.¹

Selepas belajar di Madinah, beliau pulang ke negerinya Najd dan berada di sana selama setahun.²

1. Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *Shaykh Muhammad Aqidatushu al-Salafiyyah wa Da'wahtuhu al-Islahiyyah*, cet. 3, Dar al-Salafiyyah, Kuwait, 136H., hlm. 19.

2. Abd. Rahman Ibn Abd Latif, *op.cit.*, hlm. 22.

Kemudian beliau belajar dengan Shaykh Abd Rahman Ibn Ahmad daripada Buraidah sehingga alim dalam ilmu alat: nahu, saraf, ma'ani, bayan dan ilmu badie. Kemudian belajar Hadith Nabi s.a.w. dengan membaca Sahih al-Bukhari, Muslim dan Masnah Imam Ahmad.

Oleh kerana keinginan beliau yang kuat untuk menambah pelajaran walaupun telah menjadi seorang ulama', beliau pergi ke Basrah dan belajar di sana dengan beberapa orang guru selama 4 tahun.¹ Salah seorang daripada gurunya ialah Shaykh Muhammad al-Majmuii. Di sana beliau mendalami lagi ilmu nahu, bahasa Arab, Hadith dan lain-lain. Di samping belajar, beliau juga berdakwah dan menentang perkara-perkara bid'ah, khurafat dan syirik.² Beliau juga menulis kitab-kitab yang bermutu, mengenai ketiga-tiga perkara di atas. Beliau mengemukakan buah fikiran yang baik dengan disertakan dalil dan hujah daripada ayat-ayat al-Qur'an dan sebagainya. Penekanan beliau mengenai perkara ini antara lain kerana beliau dapati perkara-perkara tersebut banyak dilakukan oleh penduduk di

-
1. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 34. Shaykh Ahmad al-Qahtan dan Muhammad al-Zain, *Imam al-Tawhid al-Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*, cet. 2, Maktabah al-Sundus, Kuwait, 1409H./1988M., hlm. 37.
 2. Muhammad Kamil Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 34.

Basrah terutamanya yang dilakukan oleh golongan Syiah yang melampaui batas-batas agama seperti melakukan pemujaan kepada kubur-kubur wali.¹ Guru beliau Shaykh al-Mujmuii tertarik dengan pendapatnya mengenai tauhid dan tentangannya terhadap bid'ah serta khurafat itu.² Tetapi segolongan besar penduduk Basrah berasa tidak senang hati dengan buah fikiran dan tindakan yang dilakukan oleh beliau. Kerana itu beliau dihalau keluar dari Basrah, beliau terpaksa keluar meninggalkan Basrah dengan berjalan kaki seorang diri di tengahari yang panas membakar sehingga beliau hampir-hampir mati kehausan.³

Semasa mula keluar dari Basrah dia bercita-cita hendak pergi ke Syam. Oleh kerana ketiadaan bekalan dan wang, beliau terpaksa mengubah haluan dan terus pulang ke negerinya dengan melalui al-Ihsaa dan singgah di situ. Di sini beliau belajar aqidah dengan seorang guru bernama Shaykh Abdullah Ibn Muhammad Ibn Abd. Latif al-Syafi'i al-Ihsa'i. Kemudian pulang ke tempat ayahnya

1. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 34.

2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 187.

3. Shaykh Othman Ibn Basyr, *op.cit.*, jid. 1, hlm 10-11.

di Huraimila.¹ Ayahnya telah berpindah ke situ pada tahun 1139H. Semasa itu Muhammad telah berumur 36 tahun.²

Ketika bersama ayahnya di Huraimila, beliau mengambil kesempatan belajar lagi dengannya. Di samping itu dia menjalankan tugas dakwah dan mencegah kemungkaran, bid'ah dan syirik yang dilakukan oleh kebanyakan penduduk yang kurang pengetahuan agama.

Sewaktu beliau berada di sini berlaku perselisihan faham dengan orang ramai termasuk ayahnya. Tetapi selepas itu ayahnya menerima buah fikiran dan pendapat beliau.³ Setelah dua tahun berada di sini, ayahnya meninggal dunia iaitu pada tahun 1153H. bersamaan tahun 1740M.⁴ Ketika berada di sini, di samping mendalami ilmu agama dengan ayahnya dan berdakwah, beliau juga mengkaji dan membaca kitab-kitab Hadith dan tafsir ulama' salaf yang masyhur dan

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 187. Al-Shaykh Ahmad al-Qahtan dan Muhammad al-Zain, *op.cit.*, hlm. 38.

2. *Ibid.*

3. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 35, Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *op.cit.*, hlm. 26.

4. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 35.

kitab-kitab syarah Hadith dengan mendalam. Beliau juga membaca, mentelaah dan menyalin kitab-kitab karangan Shaykh Islam Ibn Taimiyyah dengan tulisan tangannya sendiri.¹

Ada sesetengah pengarang menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab selepas belajar di Basrah, beliau tidak pulang ke Huraimila tempat ayahnya tetapi sebaliknya menjelajah ke tempat lain untuk menuntut ilmu agama. Pengarang golongan ini mengatakan bahawa beliau pergi ke Baghdad dan belajar di sana selama lima tahun,² dan memasuki "Sekolah al-Wazir" selama dua tahun. Beliau mendalami ilmu kalam dengan Shaykh Abd Rahman al-Kurdi al-Syafi'i dan mempelajari Kitab *Sahayif al-'Amal* dan Kitab *Maqasid al-Taftazani*.³

Setelah berada di Baghdad selama 5 tahun, beliau pergi ke Kurdistan selama setahun, kemudian pergi lagi ke Hamadan selama dua tahun, kemudian ke Asfahan. Di Asfahan beliau belajar di sekolah al-Abbasiah, sebuah sekolah yang didirikan oleh Syah Abbas al-Safawi.

1. Abd. Rahman Abd. Latif, *op.cit.*, hlm. 23.

2. Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 10.

3. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 190.

Selepas itu beliau meneruskan pengajiannya selama 3 tahun dalam ilmu Falsafah *al-Isyraqiyyah* dan ilmu tasawwuf.¹

Kemudian beliau terus menjelajahi dari satu tempat ke satu tempat sehingga sampai ke bandar Damsyik dan tinggal di situ selama setahun. Kemudian beliau pergi pula ke Baitul Maqdis dan tinggal di sana selama 2 bulan.² Mengikut pengarang kitab *Luma' Al-Syihab*, selepas beliau melawat Baitul Maqdis, beliau terus menjelajah sehingga sampai ke Mesir dan tinggal di sana dua tahun lebih. Beliau sempat belajar di Jamiah al-Azhar dengan Shaykh Muhammad Zainuddin yang terkenal dengan panggilan "Abu Abdullah al-Maghribi".³

Dari Mesir mengikut cerita ini beliau pulang ke negerinya dengan menuju Suez dan menaiki kapal menuju Yambu', kemudian ke Madinah al-Munawarah. Oleh kerana masa itu musim haji, beliau pergi ke Makkah untuk menunaikan fardu Haji. Di Makkah beliau sempat bertemu dengan mufti Makkah, Shaykh Abdul Ghani al-Syafi'i, Shaykh Abd Ghani mengiktiraf kelebihan beliau. Amir

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 191.

2. *Ibid.*, hlm. 194.

3. Dipetik dari Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 194.

Makkah Syarif Surur dan orang-orang kenamaan di sana meminta supaya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tinggal di Makkah tetapi beliau menolaknya. Selepas itu beliau keluar menuju Buraidah kemudian terus ke Uyainah di Najd.¹

Hasil dari pengajiannya begitu lama di banyak tempat, akhirnya Muhammad Ibn 'al-Wahhab menjadi seorang ulama' besar yang disegani oleh masyarakat. Bukan itu sahaja bahkan ramai dikalangan murid-murid beliau menjadi ulama' penyambung dalam usaha menyampaikan ajaran Islam kepada masyarakat, termasuk beberapa orang anaknya sendiri seperti Shaykh Hussin, yang dilantik menjadi kadi di Diriyyah semasa pemerintahan Amir Abdul Aziz. Selain seorang ulama' besar beliau juga menjadi pakar rujuk dalam bidang hukum-hakam oleh para kadi di seluruh Arab Saudi di zaman Amir Abdul Aziz dan seterusnya di zaman cucunya Amir Abdullah Ibn Saud.²

Daripada apa yang dikemukakan jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab banyak menghabiskan masanya dengan belajar daripada ulama'-ulama' yang terkenal pada

1. *Ibid.*

2. Abd. Rahman Ibn Abd. Latif, *op.cit.*, hal. 43.

masa itu. Beliau juga telah menjelajah ke beberapa buah bandar dan negeri tempat perkembangan ilmu agama bagi menimba ilmu pengetahuan keagamaan sebanyak mungkin.

Akhirnya beliau menjadi seorang ulama' besar dan disegani oleh masyarakat serta terkenal di seluruh dunia sama ada di kalangan penyokong dan penentangnya. Selain itu ramai dikalangan muridnya menjadi ulama' besar untuk menyambung dakwahnya termasuklah beberapa orang anaknya sendiri.

Dengan sebab itu tidak hairanlah sekiranya ramai ulama' Islam dan sarjana-sarjana Barat memuji beliau sehingga ramai yang mengatakan bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah seorang mujaddid Islam di abad kedua belas Hijrah bersamaan abad kelapan belas Masihi. -

1. Dr. Ali Abd. Halim Mahmod, *al-Salafiyyah wa Da'wah al-Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab*, Maktabah Ukaz 1401H./1980M., hlm. 2.

D. HASIL KARYA PENULISANNYA

Pada kebiasaannya jika kita hendak mengetahui keilmuan seseorang dalam sesuatu bidang, kita mestilah melihat dan menilai melalui buah fikiran, pendapat dan hasil karya penulisannya. Hal yang sama perlu dilihat dan dikaji terhadap Muhammad ibn 'Abd al-Wahhab.

Setelah penulis membuat kajian, didapati beliau banyak menulis dan menghasilkan karya ilmiah dalam berbagai-bagai bidang keagamaan, termasuk dalam bidang tafsir, hadith, fiqh, sirah Rasulullah s.a.w., Tauhid dan sebagainya. Tetapi oleh kerana masalah agidah dan tauhid satu-satunya masalah penting maka didapati beliau lebih mengutamakan bidang ini daripada bidang-bidang yang lain.

Jika dilihat kepada hasil-hasil karya penulisan beliau, didapati pada keseluruhannya diulas dengan mudah, ringkas dan padat serta tidak banyak menggunakan bahasa-bahasa yang susah dan *ilmu bid'i* yang tinggi, jauh sekali daripada menggunakan perkataan susah yang jarang digunakan oleh orang ramai. Kebiasaannya beliau menggunakan gaya bahasa yang mudah dan terang

kecuali pada ketika tertentu sahaja.¹

Di dalam kebanyakan tulisannya, beliau menggunakan berbagai-bagai gaya bahasa, yang kadang-kadang berbeza di antara satu dengan yang lain. Khususnya apabila ada perbezaan matlamat dan tujuan serta terdapat perbezaan jenis kitab yang dihasilkan. Umpamanya gaya bahasa kitab *Sirah Nabi* berbeza dengan gaya bahasa penulisan beliau dalam *Fiqh* dan sebagainya. Bahkan dalam tajuk-tajuk tertentu seperti tajuk tauhid, gaya bahasanya berbeza daripada sebuah kitab dengan kitab yang lain. Sebagai contohnya: gaya bahasa Kitab *Tawhid*, berbeza dengan gaya bahasa Kitab *Kasyf al-Syubhat*, sedangkan kedua-duanya mengulas mengenai tauhid. Perbezaan ini berlaku kerana "Kitab *Tawhid*" ditulis bertujuan untuk memberi pendedahan akidah tauhid semata-mata, sedangkan Kitab *Kasyf al-Syubhat* bertujuan untuk mengemukakan hujah dan menjelaskan perkara-perkara syubhah yang timbul, kerana itu gaya bahasanya berbentuk *jadali* (berbentuk perbincangan).²

-
1. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *Al-Shaykh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Hayatushu wa Fikruhu*, Dar al-Ulum Li al-Tabaah wa al-Nasyr, Riyadh, 1986, hlm. 81.
 2. *Ibid.*, hlm. 81-82.

Di samping menggunakan gaya bahasa yang mudah dan terang, penulisannya ringkas dan padat. Setiap kali pendapatnya disokong dengan dalil al-Qur'an dan Hadith. Ini kerana beliau terpengaruh kepada cara penulisan ulama'-ulama' **salaf** (method **salafi**), iaitu method yang berdalilkan kepada al-Qur'an, Sunnah Rasulullah s.a.w., pendapat para sahabat dan pendapat imam-imam yang masyhur.¹

Karya penulisan Muhammad ibn Abd al-Wahhab ada berbagai-bagai jenis, ada yang berbentuk kitab, risalah-risalah kecil dan pendek tetapi bernilai dan ada juga ringkasan kepada kitab-kitab karangan ulama'-ulama' terdahulu. Dengan ini bolehlah dikategorikan karya penulisan beliau kepada dua jenis; pertama karya berupa risalah dan keduanya berupa kitab-kitab karangan dan ringkasan. Kedua-dua bentuk penulisan itu pada umumnya menjelaskan mengenai buah fikirannya yang dikatakan betul dan mengikut ajaran Ahli Sunnah Wal-Jamaah, menjelas ajaran Islam berdasarkan kepada al-Quran dan Sunnah, menjawab berbagai-bagai tuduhan musuh-musuh yang dilemparkan terhadap ajarannya, dan yang paling penting beliau menjelaskan mengenai ajaran tauhid, perkara-

1. Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 155.

perkara syirik, khurafat dan bid'ah.¹

Karya-karya berbentuk risalah itu boleh dibahagikan kepada tiga bentuk, pertama; risalah jawapan dan penjelasan terhadap soalan-soalan dari orang ramai termasuk dari ulama-ulama yang ingin mengetahui ajaran dan buah fikiran beliau yang sebenar.

Kedua mengandungi jawapan-jawapan tegas beliau terhadap tuduhan karut dan bohong yang dilemparkan oleh musuh-musuh beliau dari kalangan ulama yang kadang-kadang tuduhan-tuduhan itu sengaja diada-adakan semata-mata kerana benci kepadanya.

Ketiga risalah-risalah yang dihantar kepada ulama-ulama tertentu dibeberapa tempat di sekitar Najd bertujuan untuk mengajar dan menjelas ajaran Islam kepada mereka.²

Manakala karya-karya yang berbentuk kitab sama ada karangannya sendiri atau ringakasan dari kitab-kitab tulisan ulama-ulama lain sebelumnya, didapati ada yang

-
1. Perkara ini dapat dilihat kepada hasil-hasil karya beliau yang banyak dalam berbagai-bagai ilmu agama.
 2. Dr. Aminah Muhammad Nasir, *al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Wa Manhajuhu fi Mabahith al-Aqidah*, cet. I, Dar al-Syuruq, 1983, hlm. 36-37.

kecil dan ringkas dan ada yang panjang dan besar. Pada keseluruhannya kitab-kitab beliau ini menjelas mengenai permasalahan pemikiran Islam berdasarkan kepada pemikiran ulama **salafus al-salleh**, menjelas mengenai manhaj tauhid dan menjelas bagaimana hendak mentatbiqkan prinsip akidah tauhid itu dalam kehidupan sehari-hari sama ada dalam bidang ibadat, muamalat, pentadbiran, politik dan sebagainya.¹

Penulisan beliau yang berbentuk ringkasan seperti ringkasan kitab **sirah Rasulullah s.a.w.**, kitab **Mukhtasar Zaad al-Maad** dan lain-lain lagi.²

Manakala cara pengolahan dan persesembahannya pula ada berbagai-bagai bentuk, setengahnya diambil daripada dalil ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. kemudian disebutnya beberapa kesimpulan yang diambil daripadanya. Sesetengah kitab yang lain pula hanya disebut beberapa dalil (daripada ayat al-Qur'an atau Hadith) tanpa membuat saranan dan keterangan yang panjang. Sebagai contoh, dalam kitab **Tawhid**, beliau menulis "**Bab Menjauhi diri daripada Bid'ah**" (selepas menyebut bab) beliau terus menyebut dalil-dalil mengenai

1. *Ibid.*, hlm. 38.

2. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 98-99.

tajuk itu daripada ayat al-Qur'an dan daripada Hadith, kemudian di bawa sebelas kesimpulan.¹ Manakala contoh yang lain pula ada ditulis dalam bentuk perbincangan dan perdebatan dengan mengemukakan seperti bentuk soalan-soalan, kemudian diikuti pula dengan penjelasan terhadap soalan-soalan tersebut. Bentuk seperti ini terdapat dalam Kitab *Kasyf al-Syubuhat*.²

Mengenai bilangan hasil karya dan kitab tulisan beliau, para penulis tidak sepandapat. Ada penulis hanya menyebut beberapa buah kitab sahaja, manakala yang lain pula menyebut berpuluhan-puluhan buah kitab, tidak termasuk risalah-risalah yang dihasilkannya. Antara kitab-kitab tersebut ialah:³

1. Kitab *Tawhid Allazi Huwa Haqqullah 'Ala al-Ibad*.
2. Kitab *Kasyf al-Syubuhat Fi al-Tawhid*.
3. Kitab *Thalathah al-Usul*.
4. Kitab *Qawa'id al-Arba'ah*.

-
1. Al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, *Kitab al-Tawhid allazi Huwa Haqqullah 'Ala al-Ibad* cet. 3, Maktab al-Islami, Beirut, 1391H, hlm. 18-19.
 2. Lihat kitab berkenaan dari awal sampai akhir.
 3. Lihat Dr. Ahmad Atiyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 117 - 119, Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 74 - 100.

5. Kitab *Fadail al-Islam*.
6. Kitab *Usul al-Iman*.
7. Kitab *Mufid al-Mustafid fi kufri Tariki al-Tawhid*.
8. Kitab *Masail al-Jahiliyyah*.
9. Kitab *Kalimah al-Tawhid*.
10. Kitab *Syarah Mawadi' Mina al-Sirah*.
11. Kitab *Talqin Usul al-Aqidah li al-Ammah*.
12. Kitab *Thalath masail*.
13. Kitab *Ma'na al-Thaghut wa Ruus 'Anwaiha*.
14. Kitab *al-Asl al-Jamie Li Ibadatillah wahdah*.
15. Kitab *Ba'd Fawa'id Surah al-Fatihah*.
16. Kitab *Nawaqid al-Islam*.
17. Kitab *Sittah Usul 'Azimah*.
18. Kitab *Risalah fi Tawhid al-'Ibadah*.
19. Kitab *al-Kabair*.
20. Kitab *Qisas al-'Anbia*.
21. Kitab *Nasiyah al-Muslimin Bi Ahadith Khatamin al-Mursalin*.
22. Kitab *Fadail al-Qur'an*.
23. Kitab *al-Ahadith fi al-Fitan wa al-Hawadith*.
24. Kitab *Adab al-Masyii Ila al-Salah*.
25. Kitab *Ahkam al-Salah*.
26. Kitab *Majmu' al-Ahadith 'Ala Abwa al-Feqh*.

27. Kitab *Mukhtasar sirah al-Rasul*.
28. Kitab *Mukhtasar Zaad Al-Maad*.
29. Kitab *Mukhtasar al-Ansaf wa al-Syarah al-Kabir*
30. Kitab *Mukhtasar al-Sawaiq*.
31. Kitab *Mukhtasar Fath al-Bari*.
32. Kitab *Mukhtasar Al-Huda*.
33. Kitab *Mukhtasar al-'Aqli wa al-Naqli*.
34. Kitab *Mukhtasar al-Minhaj*.
35. Kitab *Mukhtasar al-Iman*.
36. Kitab *Mukhtasar Tafsir surah al-Anfal*.

Di samping kitab-kitab yang tersebut di atas ada lagi fatwa dan berpuluhan-puluhan risalah dakwah yang ditulis sebagai jawapan kepada soalan-soalan yang dikemukakan ataupun penjelasan daripada beliau sendiri mengenai ajarannya kepada orang ramai yang jauh dari tempatnya termasuk kepada musuh-mushnya.

Itulah sahaja keterangan dan penjelasan mengenai karya-karya penulisan Muhammad ibn Abd al-Wahhab yang dapat disebutkan di sini. Kalau dilihat kepada apa yang dijelaskan di atas dapatlah dibuat kesimpulan bahawa beliau pernah menulis di dalam berbagai-bagai bidang keagamaan termasuk fiqah, Hadith, sirah Nabi, tafsir, tauhid dan sebagainya. Karya-karya itu ada yang

berbentuk buku (kitab) yang tebal dan kecil. Ada juga yang berbentuk risalah dan jawapan kepada soalan-soalan atau tuduhan yang dilemparkan kepadanya. Akan tetapi penekanan yang diberi penumpuan lebih dalam bidang tauhid. Kerana itu kitab-kitab dan risalah kecil mengenai perkara itu lebih banyak dihasilkan jika dibandingkan dengan perkara-perkara lain. Oleh kerana itu tidak hairanlah sekiranya beliau lebih dikenali dengan gelaran "*Da'iyah al-Tawhid*" (داعية التوحيد).¹

Jika dilihat kepada hasil karya penulisan beliau yang begitu banyak, sama ada yang besar atau yang kecil seperti risalah-risalah jawapan dan fatwa yang dihasilkan, jelas menunjukkan beliau adalah salah seorang ulama' mempunyai ilmu pengetahuan yang luas dan juga merupakan seorang da'ie yang gigih berdakwah bukan sahaja dengan mulut, lidah dan tenaga tetapi juga dengan pena bagi menyebarkan ajaran Islam yang telah banyak ditinggal atau diselewengkan di waktu itu.

1. Abdul Aziz Sayyid al-Ahli sewaktu menulis mengenai riwayat hidup Muhammad ibn Abd. al-Wahhab, menamakan bukunya dengan nama, *Daiyah al-Tawhid*.

D. PERIBADI DAN TINGKAH LAKU BELIAU

Untuk mengenali seseorang tokoh tertentu, tentunya tidak sempurna jika tidak dijelaskan terlebih dahulu mengenai peribadi, tingkah laku dan akhlaknya. Selagi perkara ini tidak diketahui dengan sebenar dan jelas, penilaian ke atas seseorang tokoh tidak dapat dilakukan dengan baik. Setelah penulis membuat kajian didapati beliau ada beberapa keistimewaan yang tersendiri. Beliau seorang yang bentuk tubuh badannya gagah dan kuat, ada ciri-ciri sifat seorang ulama' besar, berakhhlak mulia, pemurah, tabah hati, tahan diuji, kuat mempertahankan kebenaran dan tegas dalam menjalankan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*, tidak bertolak ansur dalam menentang unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah.¹

Kecerdikan, kepintaran dan kuat ingatannya sudah diketahui umum semasa dia masih kecil lagi, sewaktu berumur sepuluh tahun dia telah hafal al-Quran kesemuanya. Beliau mempunyai kefahaman yang tajam dan cepat memahami sesuatu perkara, fasih lidahnya tidak

1. Akan dijelaskan selepas ini.

tersekat-sekat dalam percakapan dan dalam menyampaikan sesuatu ajaran. Ayahnya sendiri kagum dengan pencapaian ilmunya yang luar biasa, sehingga ayahnya pernah menyebut dia banyak mendapat hukum-hakam yang baru dari anaknya Muhammad.¹

Sewaktu kecil dia tidak seperti kanak-kanak lain, dia tidak bermain bersama kanak-kanak lain, bahkan masanya banyak dihabiskan untuk mempelajari al-Quran dan menghafalnya.²

Oleh kerana ayah beliau menjadikan masjid dan rumahnya tempat mengajar ilmu-ilmu agama termasuk al-Quran dan hadith, maka semenjak kecil lagi dia dapati rumahnya selalu dipenuhi oleh pelajar-pelajar dan ulama' setiap masa, dan beliau selalu mendengar al-Quran dibaca oleh orang, malam dan siang, di samping mendengar bacaan hadith dan ulasan-ulasannya. Ini semua mempengaruhi beliau semenjak kecil lagi menjadi minat membaca dan menghafal al-Quran, hadis dan pelajaran agama yang lain.³

1. Husayn Ibn Ghannam, *op.cit.*, hlm. 75.

2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 180-181.

3. Hussin Ahmad Hassun, *op.cit.*, hlm. 9.

Selain itu beliau seorang yang cepat menulis dan menyalin sesuatu salinan sehingga ramai kawannya hairan kepadanya. Di dalam majlis pengajian dia sempat menulis dan menyalin apa yang disyarah oleh gurunya tanpa jemu dan penat sedangkan kawan-kawan lain tidak mampu berbuat demikian.¹

Beliau seorang ulama' yang cintakan ilmu pengetahuan dan gemar mendalaminya, ini dapat dilihat semenjak kecil lagi dia belajar dengan ayahnya, kemudian musafir ke beberapa buah negeri dan bandar bagi mendalami ilmu pengetahuan. Dia menghafal al-Quran dan hadith-hadith Rasulullah s.a.w. serta mempelajari fekah Hanbali, Bahasa Arab dan lain-lain lagi.² Kerana itu apabila umurnya meningkat dua puluh tahun dia menjadi seorang ulama' dikenali oleh ramai orang sama ada dari kalangan ulama' dan orang awam. Sewaktu dia bersama dalam mana-mana majlis ilmu yang dihadiri oleh ramai alim ulama', didapati dia ulama' yang muda, tetapi dialah yang paling alim dan luas ilmu pengetahuan.

1. Husayn Ibn Ghannam, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 75-76.

2. Hussin Ahmad Hassun, *op.cit.*, hlm. 15-16., dan lihat penjelasan dalam bahagian pengajiannya sebelum ini.

Ulama'-ulama' lain menghormati beliau kerana ilmunya yang luas dan dia pula menghormati ulama' lain kerana tua umurnya. Dalam perbincangan dengan ulama'-ulama yang ramai itu beliau tidak mudah menyerah kalah dengan sewenang-wenangnya dalam mempertahankan agama Allah, bahkan dia berhujah dan berdailog dengan mereka berdalilkan al-Quran dan Sunnah. Yang nampak berbeza sikap beliau dengan ulama'-ulama' lain yang sezaman dengannya ialah dia tidak ada tolak ansur atau bermukamuka dengan seseorang dalam urusan agama Allah. Beliau dengan tegas menyatakan kebenaran dan hak, umpamanya beliau pernah menegaskan sesiapa yang memuja pokok, mengambil berkat dengannya, berdoa di sisi bangunan **kubbah** di kubur, menyembelih binatang dan bernazar tidak kepada Allah semuanya itu dikira dari amalan syirik, sedangkan ulama' lain waktu itu ramai yang tidak berani bertegas seperti beliau walaupun mereka bersetuju dengan pendapatnya.¹

Beliau seorang ulama' yang kuat terpengaruh kepada buah fikiran Ibn Taimiyyah, sehingga boleh dikatakan dakwah beliau adalah sebagai sambungan kepada dakwah Ibn Taimiyyah. Ini dapat dilihat kepada prinsip-prinsip dakwahnya sama dengan prinsip dakwah Ibn

1. Hussin Ahmad Hassun, **op.cit.**, hlm. 15-16.

Taimiyyah, umpamanya kedua-dua mereka mengajak orang ramai kembali kepada al-Quran, Sunnah Rasulullah s.a.w. dan **athar-athar salafus al-salleh**. Manakala dalam perkara akidah kedua-duanya mengajak orang ramai kembali berpegang kepada akidah **salaf**.¹ Yang membezakan antara kedua-duanya ialah dakwah Ibn Taimiyyah tidak mendapat kejayaan dengan baik kerana ditentang oleh pihak pemerintah sehingga beliau ditangkap dan dipenjara beberapa kali sampai mati dalam penjara.² Sedangkan dakwah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab dapat kejayaan sehingga dapat membentuk sebuah negara di Najd dengan mendapat sokongan Amir Muhammad Ibn Saud dan penyokongnya yang ramai.³

Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab adalah seorang tokoh yang tabah hati dalam menghadapi ujian dan kuat bersabar dalam menjalankan tugas dakwahnya, tidak mudah marah dalam menjalankan tugas **amar makruf** dan **nahi mungkar**, beliau menempuh berbagai-bagai rintangan termasuk menghadapi satu pakatan mahu membunuhnya, beliau dituduh dengan berbagai-bagai tuduhan sehingga ada yang

-
1. Akan disebut pengaruh beliau kepada Ibn Taimiyyah nanti.
 2. Muhammad Abu Zahrah, *Ibn Taimiyyah, Hayatuhi Wa 'Asruhu 'Arahu wa Fikahu*, Dar al-Fikr al-Arabi, t.t., hlm. 54-91.
 3. Akan diterang nanti dalam dakwahnya.

mengkafirkan beliau.¹ Walaupun demikian beliau tetap tabah dan bersabar, sehingga beliau berjaya. Sewaktu di Huraimila umpamanya musuh-musuh beliau membuat pakatan mahu membunuhnya, tetapi akhirnya musuh itu dapat di halau keluar oleh pengikutnya.² Di Basrah beliau dihalau keluar di waktu matahari panas terik kerana mereka tidak boleh terima cara dakwahnya.³

Shaykh Ahmad Ibn Hajar Alu Butami menyebut bahawa Muhammad seorang yang kuat sabar, lemah lembut, tidak mudah lahir kemarahannya kecuali jika ada orang mencabul kesucian ajaran agama Islam, waktu itu beliau akan tentangnya sama ada dengan menggunakan lidah, tulisan atau senjata. Beliau seorang yang menghormati ulama', menjalankan tugas **amar makruf** dan **nahi mungkar**. Dia tidak tahan sabar dan tidak boleh berdiam diri apabila melihat perkara-perkara bid'ah, khurafat dan syirik dilakukan bahkan akan ditegurnya dengan lemah lembut tidak menggunakan kekerasan kecuali jika perlu.⁴

-
1. Akan diterangkan dalam bab ketiga nanti.
 2. Shaykh Ahmad al-Qahtan dan Muhammad al-Zain, *op.cit.*, hlm. 39.
 3. Lihat perkara ini dalam dakwahnya di Basrah.
 4. Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *op.cit.*, hlm. 35.

Beliau seorang yang zahid, biasa hidup serba kekurangan sekalipun beliau ada peluang merebut kekayaan atau kesenangan hidup, terutama sewaktu berkuasa. Sebelum beliau menjalankan dakwah ada orang menawarkan kepadanya supaya beliau berniaga, tetapi ditolaknya.¹

Dia seorang pemurah, harta yang ada sedikit itu dibelanjakan pada jalan Allah, di derma kepada fakir miskin dan tetamu yang datang ke rumahnya, khususnya kalangan pelajar yang berada disekeliling rumah dan kepada jiran tetangganya.² Beliau sanggup menanggung hutang yang banyak semata-mata kerana berbelanja kepada tetamu yang selalu mengunjungi rumahnya, juga kerana menderma kepada sesiapa yang meminta bantuan di samping derma kepada pelajar yang ketiadaan wang.³ Waktu beliau meninggal dunia, tidak ada harta yang ditinggal kecuali sebidang tanah kebun dan dua ratus buah kitab. Kitab-kitab itu akhirnya diwakafkan untuk dijadikan rujukan kepada ulama' dan kadi-kadi.⁴ Pada waktu berkuasa dia

-
1. Tiada pengarang, *Luma' al-Syihab Fi Sirah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab*, Dar al-Thaqafah, Beirut, t.t. hlm. 36.
 2. *Ibid.*
 3. Shaykh Ahmad Ibn Hajar Alu Butami, *op.cit.*, hlm. 35.
 4. Tiada pengarang *Luma' al-Syihab*, hlm. 102.

boleh mengambil peluang mencari harta yang banyak tetapi tidak dilakukan. Ibn Basyr ada menyebut dia waktu itu sebagai menteri kewangan, segala hasil ***khumus***, zakat dan hasil-hasil lain yang dipungut oleh kerajaan semuanya diserahkan kepada beliau. Amir Abd. Aziz dan lain-lain tidak mengambil hasil-hasil itu kecuali terlebih dahulu mendapat kebenaran beliau.¹

Selain itu beliau seorang ulama' yang kuat beribadat dan selalu berzikir disepanjang masa Ibn Basyr ada menyebut bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab selalu berzikir menyebut-yebut nama Allah tidak putus-putus, lidahnya tidak henti-henti menyebut "***Subhanallah, al-Hamdulillah, wala ilaha illallah, wallahu Akbar.***"² Beliau selalu bersyukur kepada Allah di atas nikmatnya yang banyak, selalu membaca ayat Allah:³

رب أوزعنِي أَنْ أَشْكُرْ نِعْمَتَكَ الَّتِي أَنْعَمْتَ عَلَى وَالَّدِي وَأَنْ أَعْمَلْ
صَالِحًا تَرْضَاهُ وَأَصْلَحْ لِلَّذِينَ وَانْ تَبَتِ الْيَكْ وَانْ مِنَ الْمُسْلِمِينَ

-
1. Ibn Basyr, ***op.cit.***, jid. 1, hlm. 27. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, ***op.cit.***, hlm. 78-79.
 2. Dr. Munir al-Ajlani, ***op.cit.***, hlm. 325.
 3. Surah al-Ahkaf, ayat 15.

Ertinya:

Wahai Tuhan, berilah kepadaku kesanggupan supaya dapat bersyukur terhadap nikmat kurniaan yang Engkau berikan kepadaku dan kepada kedua ibu bapaku dan supaya aku dapat mengerjakan amalan baik yang Engkau redainya dan perbaikilah keturunanku sesungguhnya aku bertaubat kepada Engkau, dan aku termasuk dari orang-orang Islam.

Dia rajin menunai sembahyang dan puasa sunat. Bacaan al-Quran menjadi sebagai kawan karibnya, di waktu malam yang gelap dia selalu melakukan *Qiyamullil*.¹

Mengikut doktor Munir al-Ajlani, apabila beliau berumur 80 tahun, beliau berhenti daripada menjalankan tugas pentadbiran dan pemerintahan lalu menumpukan sepenuh masa untuk beribadat dan berkhawlwat mendekatkan diri kepada Allah lebih daripada biasa sehingga dia meninggal dunia.²

Di samping itu beliau dikira salah seorang ulama' besar di zamannya yang membela sunnah dan menentang bid'ah. Seorang yang alim dalam berbagai-bagai bidang ilmu agama, sebab itu dia pernah dilantik menjadi

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.* hlm. 326.

2. *Ibid.*, hlm. 345.

penasihat kepada Amir Muhammad Ibn Saud dan anaknya Amir Abd. Aziz, sehingga kedua-dua mereka selalu menerima nasihat beliau. Mereka berdua tidak melakukan sesuatu kerja penting kecuali setelah berbincang dan menerima hasil berbincang dengan Muhammad dan dipersetujuinya.¹

Beliau juga dianggap seorang ahli politik yang bijak dan mampu memimpin angkatan tentera bagi menentang musuh. Beliau selalu menegaskan kepada mana-mana Amir sekiranya mereka sanggup menyebarkan kalimah tauhid kepada orang ramai, mereka akan mendapat pertolongan Allah dan akan mendapat kejayaan.² Beliau pernah menyusun satu angkatan tentera untuk melakukan perperangan dan beliau mempunyai pengalaman luas dalam perperangan dan politik.³

Dari huraian yang panjang di atas jelaslah bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab seorang ulama' besar, mempunyai sifat-sifat mulia, 'wara', zuhud, takwa, pemurah, lemah lembut, kuat mempertahankan kebenaran

-
1. Al-Ustaz al-Masud al-Nadawi, *Muhammad Ibn Abd al-Wahhab Muslih Mazlum wa al-Muftara Alaih*, Darah al-Thaqafah wa al-Nasyr, Riyadh, 1984, hlm. 46.
 2. Ahmad al-Qahtani Dan Muhammad al-Zain, *op.cit.*, hlm. 78.
 3. *Ibid.*, hlm. 78.

Islam, tegas dalam menentang kemungkaran, bid'ah, khurafat dan syirik, tidak mudah patah hati dengan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepadanya dan pernah menjadi ketua tentera juga seorang ahli politik yang baik. Walaupun begitu musuh-musuh beliau yang ramai tetap menganggap beliau orang yang banyak kelemahan dan banyak melakukan keburukan dan penyelewengan.

F. DAKWAH BELIAU DAN PERKEMBANGANNYA

Setelah dibuat kajian di dapati dakwah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab bukan dakwah baru, tetapi penyambung dakwah umat Islam terdahulu. Dakwah ke arah membetulkan akidah umat Islam yang suci murni, bersih dari unsur-unsur syirik, bid'ah, khurafat dan penyelewengan dan juga dakwah mengajak orang ramai kepada menunai ibadah yang sahih, atau dakwah mengajak orang ramai supaya berpegang kepada ajaran Islam yang *syumul* meliputi semua bidang kehidupan samada mengenai perkara kecil dan perkara besar sehingga sampai kepada sistem pemerintahan dan lain-lain lagi. Juga dakwah beliau mahu mentajdidikan urusan agama supaya diresapi ke dalam jiwa orang Islam.¹

Dalam buku "*Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab Muslih al-Mazlum*" pengarangnya menyebut bahawa dakwah beliau bukan satu perkara baru, beliau tidak mengemukakan perkara lain selain daripada ajaran sahih dari al-Quran dan Sunnah. Tetapi malangnya dakwah beliau diburuk-burukkan kepada umum dengan nama "*Wahhabi*" kerana ada sesuatu kepentingan politik dari golongan musuh-musuhnya

1. Dr. Ali Abd. Halim Mahmud, *al-Salafiyyah Wa Da'wah al-Shaykh Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab*, cet. I, Ukaz li al-Nasyr wa al-Tauzi', 1981, hlm. 51-52.

sehingga dianggap seolah-olah dakwah beliau bukan ajaran Islam.¹

Kerana dakwahnya dianggap betul, ramai orang menganggap beliau sebagai seorang mujaddid di abad dua belas hijrah bersamaan abad lapan belas masihi. Beliau mengajak orang ramai kepada Islam sebagaimana yang diajak oleh mujaddid-mujaddid lain sebelumnya iaitu mengajak kepada mengikut ajaran Allah dan Rasulnya yang betul dan selamat.²

Said Abd. Aziz Jundul dalam kitabnya "*al-Durru al-Nadid 'Ala Kitab al-Tawhid*" sebuah kitab mensyarahkan kitab tawhid karangan Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab, ada menjelaskan bahawa Muhammad Abd. al-Wahhab tidak mengasas mazhab khas (selain mazhab empat) sebagaimana yang dituduh oleh musuh-musuhnya tetapi beliau berpegang kepada akidah **salaf** (dari segi akidah) dan mazhab Hanbali (dari segi Fekah). Orang-orang yang menggelarkan dakwah dan ajarannya dengan nama **Wahhabi** dan menyangka beliau mereka-mereka satu mazhab baru, orang itu boleh digolongkan kepada salah satu dari dua golongan. Pertama mungkin golongan yang jahil tentang hakikat dakwahnya

1. Al-Ustaz Masud al-Nadawi, *op.cit.*, hlm. 147.

2. Dr. Ali Abd. Halim Muhamod, *op.cit.*, hlm. 52.

yang sebenar, golongan kedua mungkin mereka terdiri daripada musuh-musuh Islam yang sengaja mahu menyesatkan orang ramai dari kebenaran Islam. Musuh-musuh Islam menggunakan berbagai-bagai pembohongan dan penipuan supaya dakwah beliau tidak dapat disebar keluar Semenanjung Tanah Arab. Walaupun begitu akhirnya dakwah kebenaran itu terus berkembang dan tersebar ke pelusuk dunia Islam.

Kerana dakwahnya dikira baik, didapati ramai tokoh-tokoh pembaharuan Islam (tokoh-tokoh *Islam*) terpengaruh kepada dakwahnya seperti Jamaluddin al-Afghani di Afghanistan dan Mesir, Muhammad 'Abduh di Mesir, Jamaluddin al-Qasimi di Syam (Syiria dan Jordan), Khairuddin al-Tunisi di Turnisia, Amir Ali di Culculta India dan lain-lain lagi.¹

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab salah seorang ulama' yang sangat mengambil berat mengenai masalah-masalah tauhid yang menjadi asas agama Islam. Sewaktu umurnya masih muda beliau telah mendalami pengertian kalimah "*Lailaha illallah*" dan perkara-perkara yang berhubung dengannya. Beliau juga mengkaji dan membaca kitab-kitab

1. Said Ab. Aziz al-Jundul, *al-Durru al-Nadid 'Ala Kitab al-Tawhid*, hlm. 15.

karangan Ibn Qaiyim al-Jauziyyah dan Ibn Taimiyyah yang ada menyebut dengan panjang lebar perkara itu.¹

Sikap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengambil berat masalah tauhid ini ada disebut oleh beberapa orang penulis, antaranya Ahmad Amin dalam bukunya menyebut:

"Di antara masalah yang selalu difikirkan oleh Muhammad ibn Abd al-Wahhab semasa beliau menuntut ilmu di dalam atau di luar negeri ialah masalah tauhid yang menjadi asas kepada agama Islam. Asas ini bersumberkan kepada kalimah tauhid, "*Lailaha illallah*" iaitu kalimah yang diajarkan oleh Nabi Muhammad s.a.w. pembawa wahyu Allah.²

Petikan ini memberi bukti bahawa Muhammad ibn Abd al-Wahhab memang mengambil berat mengenai aqidah, tauhid dan perkara-perkara yang berlawanan dengannya seperti syirik, khurafat dan bid'ah.

Jika dilihat kepada masyarakat Islam di zaman beliau di seluruh negara Islam, didapati aqidah mereka tidak sunyi daripada bercampur aduk dengan unsur-unsur

-
1. Akan disebut sewaktu menjelaskan pengaruh beliau kepada Ibn Taimiyyah nanti.
 2. Ahmad Amin, *Zuamaa al-Islah fi al-Asri al-Hadith*, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut, t.t., hlm. 10.

syirik. Ramai orang Islam pergi mengunjungi para wali untuk melepaskan nazar dengan membawa berbagai-bagai bahan nazar. Ada di antara mereka menyangka wali tertentu berkuasa memberikan sesuatu manfaat dan mengelakkan bala bencana daripada terkena kepada sesiapa yang meminta dan bernazar kepadanya. Begitu juga keadaannya terhadap kubur-kubur wali yang dikatakan keramat banyak dikunjungi oleh orang awam yang tidak mengikut apa yang disyariatkan. Mereka memegang dan mengucup batu-batu binaan atas kubur para wali, merendah diri memberi hormat yang berlebih-lebihan, meminta daripadanya supaya mereka memperolehi sesuatu manfaat dan kebaikan juga meminta supaya terlepas daripada bala bencana sehingga keyakinan mereka kepada kubur-kubur keramat itu boleh membawa kepada syirik.¹

Oleh kerana Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mendapati tauhid umat Islam di zamannya sudah banyak yang rosak dan banyak bercampur aduk dengan unsur-unsur syirik dan khurafat, beliau menjalankan dakwahnya semenjak masih menuntut ilmu lagi dan berterusan sehingga dia dapat menubuhkan sebuah negara Islam di Arab Saudi. Untuk memudahkan lagi, penulis membahagikan usaha-usaha dakwahnya kepada beberapa peringkat mengikut tempat-tempat tertentu seperti berikut:

1. Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 11.

(a) **Dakwah Di Basrah**

Sewaktu belajar di Basrah, beliau mula berdakwah dengan memberi nasihat kepada orang ramai supaya kembali kepada mentauhidkan Allah dengan ertikata yang sebenarnya dan murni. Usaha-usaha dakwah dilakukan di sini kerana beliau mendapati banyak perkara bid'ah, khurafat dan syirik telah berlaku sama seperti yang terjadi di tempat-tempat lain. Di sini beliau melihat orang ramai datang menziarahi kubur banyak melakukan perkara-perkara bid'ah seperti bertawaf atau mengelilingi kubur, menyentuh atau menggosok batu-batu dan bangunan di atas kubur dan mereka meminta-minta dengan tuan kubur (si mati) mengenai perkara yang tidak sepatutnya diminta kecuali hanya daripada Allah.¹ Kerana itulah beliau memberi nasihat, teguran dan memberi pandangan yang baik kepada mereka. Beliau juga memberi penjelasan mengenai tauhid *Uluhiyyah*, pengertian *Lailaha illallah* dan mengajar orang ramai supaya meninggalkan perkara-perkara bid'ah, khurafat dan syirik. Perkara-perkara itu dijelaskan oleh beliau dalam beberapa majlis ceramahnya.² Beliau juga menyebut, "Bahawa sesungguhnya ibadah pada

1. Ahmad Ab Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 41.

2. Ab Rahman Ab Latif, *op.cit.*, hlm. 42

keseluruhannya untuk Allah dan tidak harus ditujukan atau diberi sebahagian daripada ibadah itu kepada selain daripada Allah.¹

Apa yang dijelaskan oleh Muhammad ibn Abd al-Wahhab itu dianggap baik dan betul oleh gurunya Shaykh Muhammad al-Majmu'ii, tetapi ditolak dan ditentang oleh mereka yang menyokong perkara-perkara bid'ah, khurafat dan syirik serta orang yang suka bertaklid kepada orang lain sama ada mereka itu dari kalangan orang awam atau ulama'.² Dengan itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dipukul, dirampas harta, kitab-kitab dan barang-barangnya, kemudian dihalau keluar dari Basrah dalam keadaan berpakaian sehelai sepinggang. Gurunya Shaykh Muhammad al-Majmu'i juga diganggu oleh orang ramai kerana memberi sokongan dan perlindungan kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.³

Dari Basrah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab keluar menuju Najd dengan merintasi padang pasir. Di tengah-tengah perjalanan di antara Basrah dan al-Zubair beliau terjatuh dan tidak terdaya hendak meneruskan perjalananya kerana terlalu penat, letih dan dahaga.

1. *Ibid.*

2. *Ibid.*

3. Ahmad Abd. Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 42.

Tetapi dengan pertolongan Allah seorang lelaki Abu Humaidan dari al-Zubair yang menaik seekor himar melalui tempat beliau. Apabila dilihatnya dia dalam keadaan letih lesu dan hampir mati, terus ditolongnya dengan diberi minum dan dibawa ke atas himarnya menuju ke al-Zubair.¹ Setelah beberapa hari di sana beliau keluar menuju Ihsaa dan belajar di sana dengan Shaykh Abdullah ibn Muhammad ibn Abd Latif al-Ihsa'i al-Syafi'i. Kemudian terus pulang ke Huraimilla tempat ayahnya.²

(b) **Dakwah di Huraimila**

Di Huraimila di samping belajar dengan ayahnya, beliau menjalankan dakwah tauhid, menentang perkara-perkara bid'ah dan syirik yang banyak dilakukan oleh penduduk di situ. Akhirnya berlaku perselisihan pendapat antara beliau dengan ayahnya dan ulama'-ulama' lain.³ Tetapi walaupun begitu sebelum meninggal dunia, ayahnya bersetuju dan memberi sokongan kepada anaknya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.⁴

1. *Ibid.*

2. Abd. Rahman Abd. Latif, *op.cit.*, hlm. 23.

3. Abd. Rahman Abd. Latif, *op.cit.*, hlm. 23

4. Ahmad ibn Hajar Alu-Butami, *op.cit.*, hlm. 26,
Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 34.

Setelah mendapat ramai penyokong, beliau menulis surat kepada penduduk di daerah-daerah lain di Najd menyuruh mereka melakukan ibadah kepada Allah dengan betul dan melarang daripada melakukan pemujaan kepada golongan wali yang telah mati, pokok-pokok dan berhala, beliau juga menyuruh mereka melakukan **amal makruf** dan menegah perkara-perkara **mungkar** atau **nahi mungkar**. Semakin lama semakin bertambah ramai orang memberi sokongan kepada beliau sehingga mereka datang beramai-ramai dari daerah-daerah yang berhampiran untuk belajar dengan beliau mengenai kitab-kitab Hadith, tafsir, sirah nabawi, fegah dan tauhid.¹ Semasa di sini, beliau mengarang kitab "**Tawhid**"² dan diajar kepada orang ramai.

Di Huraimila terdapat golongan hamba yang dipanggil "Alu Hamaiyyin" yang selalu melakukan kejahatan dan kefasikan. Oleh itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab muh menegah dan menghalang mereka daripada melakukan kejahatan tersebut. Kemahuhan beliau itu diketahui oleh golongan-golongan tersebut. Akhirnya mereka membuat pakatan hendak membunuh beliau secara senyap-senyap. Apabila sampai masanya, mereka datang

1. Ab Rahman b. Ab Latif, **op.cit.** hlm. 24.

2. Mengikut cucunya Abd Rahman Ibn Hasan Ibn Muhammad, bahawa datuknya menulis kitab tauhid semasa dia berada di Basrah lagi. **Ibid.**

beramai-ramai di waktu malam dan memanjang dinding rumah beliau untuk membunuhnya. Tetapi ada orang melihat perbuatan mereka dan orang itu terus menjerit dengan suara yang kuat. Akhirnya penjahat itu melarikan diri.¹

Dari pada peristiwa itu Muhammad merasakan bahawa keselamatannya tidak terjamin jika dia terus tinggal lebih lama di situ. Kerana itu beliau terus berpindah ke Uyainah iaitu daerah asalnya.

(c) **Dakwah di Uyainah**

Ketika berada di Uyainah beliau diterima dengan baik oleh Amir Othman ibn Hamad ibn Muammar. Baginda menghormati dan menyanjungi Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab sehingga beliau dikahwinkan dengan sepupunya sendiri bernama Jauharah binti Abdullah ibn Muammar.² Baginda juga telah menolong dan membantu beliau dalam bidang dakwah. Dengan itu dakwah beliau dapat berjalan dengan baik tanpa mengalami sebarang gangguan yang menggugatnya. Semasa berada di situ banyak perkara besar yang dapat dilakukan oleh beliau bersama Amir Othman antaranya ialah:

-
1. *Ibid.*
 2. Ahmad Ab Ghafur Attar, *op.cit.*, him. 49.

(i) Membasmi Unsur-unsur Syirik

Bagi menghapuskan dan membasmi unsur-unsur syirik yang banyak dilakukan oleh penduduk di situ, beliau menebang pokok-pokok yang dianggap keramat dan juga meruntuhkan **kubbah** binaan di kubur seorang sahabat Nabi yang selalu dikunjungi oleh orang ramai untuk meminta sesuatu daripadanya.

Mengenai pemotongan pokok-pokok keramat, Ahmad Abdul Ghafur Attar menjelaskan bahawa pada suatu pagi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab keluar bersama 90 orang pengikutnya ke tempat pokok kayu yang dianggap keramat (dan dipuja) oleh orang ramai. Apabila sampai di situ Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menebang dan memotongnya dengan kapak dan diikuti oleh orang lain. Sambil itu beliau membaca ayat al-Qur'an yang pernah dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w. semasa meruntuhkan berhala-berhala di Ka'abah sewaktu pembukaan Makkah, iaitu ayat:-

رَقْلَ جَاءَ الْحَقُّ وَزَهَقَ الْبَاطِلُ إِنَّ الْبَاطِلَ كَانَ زَهْقًا

Maksudnya:

"Katakan oleh Mu (Wahai Muhammad) telah datang kebenaran (Islam) dan hilang lenyaplah perkara yang salah (kufur dan

1. Surah al-Isra', ayat 81.

syirik). Sesungguhnya perkara yang salah itu sememangnya satu perkara yang tetap lenyap."

Selepas dipotong pokok itu, orang ramai yang mengganggap pokok itu keramat dan mempunyai kuasa ajaib boleh mendatangkan bala bencana dan kesakitan kepada orang yang mengganggunya, mereka menunggu untuk melihat bencana dan kesakitan yang akan menimpa kepada orang yang memotongnya. Tetapi tidak ada apapun yang berlaku kecuali pokok itu sahaja yang tumbang menyembah bumi.¹

(iii) **Meruntuhkan Kubbah Bangunan Di atas Kubur Sahabat Rasulullah s.a.w.**

Satu perkara lagi yang dilakukan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab untuk menghapuskan unsur-unsur syirik ialah meruntuhkan kubah bangunan yang dibina di atas kubur sahabat Rasulullah s.a.w. bernama Zaid Ibn al-Khattab saudara kepada Khalifah Omar Ibn Al-Khattab, terletak di daerah Jubailah. Kubur ini menjadi tempat tumpuan orang dikunjungi oleh orang ramai yang berada di kawasan itu kerana mereka menganggap ia merupakan salah satu dari tempat-tempat keramat.

1. *Ibid.*, hlm. 50.

Pada permulaannya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab meminta kebenaran daripada Amir Othman untuk meruntuhkan binaan tersebut. Setelah diizinkannya, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab memerintahkan pengikut-pengikutnya meruntuhkan bangunan *Kubbah* tersebut, tetapi tiada seorangpun yang berani. Akhirnya beliau sendiri mara ke arah binaan itu dan terus meruntuhnya. Kemudian barulah pengikut-pengikutnya turut serta meruntuhkannya.¹

Pada sebelah malam, orang ramai yang percaya kepada keramat *kubbah* dan kubur tersebut menunggu dan melihat apa yang akan berlaku kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya, tetapi tidak ada sebarang perkara yang tidak diingini berlaku ke atas diri mereka.²

Disebabkan peristiwa inilah, Muhammad Ibn Abd Al-Wahhab ditentang oleh musuh-musuhnya. Mereka menuduh beliau seorang tukang sihir, pembohong dan ada juga tuduhan yang lebih berat daripada itu. Mereka mengatakan beliau telah murtad dan menjadi kafir, darahnya halal, dia harus dibunuh dan hartanya halal

1. Ahmad Ab. Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 51.

2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 215.

dimakan.¹ Di antara orang yang menentang itu ada juga dari kalangan ulama' termasuk Sulaiman ibn Suhaim. Beliau di antara orang yang memburuk-burukkan nama beliau dan menghantar orang-orang tertentu berjumpa dengan ulama'-ulama' di Ihsaa, Basrah, Makkah dan Madinah untuk membuat daiyah propaganda yang mengatakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab telah menyeleweng dan sesat. Akhirnya ada dikalangan ulama'-ulama' di beberapa tempat mengeluarkan fatwa kepada pemerintah di tempat masing-masing bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah seorang khawarij, seorang yang paling fasik dan paling jelas kufurnya, dan beberapa tuduhan lagi.²

(iii) Melaksanakan Hukum Rejam

Beberapa ketika selepas peristiwa meruntukan binaan di atas kubur Zaid ibn al-Khattab, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab melaksanakan hukuman rejam ke atas seorang perempuan yang mengaku telah melakukan jenayah zina.

Perempuan tersebut datang berjumpa dengan beliau dan membuat pengakuan bahawa dia seorang perempuan **muhsan** telah berzina dan meminta supaya dia dihukum

1. *Ibid.*, hlm. 215.

2. *Ibid.*, dan akan dijelaskan lagi dalam bab berikutnya.

mengikut hukum Islam. Pada mulanya Muhammad tidak mahu membuat sebarang tindakan ke atasnya, kerana kemungkinan dia tidak siuman atau dia dirogol atau sebagainya. Tetapi perempuan itu mengulangi pengakuannya sebanyak empat kali dan mengatakan bahawa dia melakukan zina dengan kehendak dan kerelaan hatinya sendiri.¹ Setelah jelas dan terang maka Muhammad Ibn Abd al-Wahhabpun mengambil keputusan untuk menjatuhkan hukuman tersebut. Akhirnya Amir Othman dan orang ramai pun melaksanakan hukuman rejam ke atas perempuan tersebut dengan dimulai oleh Amir Othman sendiri.²

Peristiwa hukuman rejam ini telah heboh diperkatakan di seluruh daerah hingga di Uyainah dan kawasan-kawasan di sekitaranya. Beritanya diketahui oleh orang ramai termasuk musuh-musuh beliau daripada kalangan ulama'. Mereka menuduh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dengan berbagai-bagai tuduhan. Mereka berkata bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tidak ada kuasa untuk menjalankan hukuman rejam tersebut. Dia hanya boleh memberitahu hal itu kepada sultan (khalifah) dan minta kebenaran daripadanya untuk menjatuhkan hukum. Apabila dipersetujui oleh khalifah barulah boleh

1. *Ibid.*, hlm. 216-217, Shaykh Othman b. Basyr, *op.cit.*, hlm. 13.

2. Ahmad Ab Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 54.

dijatuhkan hukuman.

Selepas berlaku peristiwa ini, ulama'-ulama' yang menentang beliau mula menguatkan lagi tentang terhadapnya, mereka menulis surat fitnah kepada Amir Ihsaa Sulaiman ibn Muhammad Al-Humaidi. Dalam surat itu disebut bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mahu menghalau Amir daripada kerajaan dan merampas kekuasaannya.¹ Dengan fitnah ini Amir Sulaiman al-Humaidi yang berkuasa di Ihsaa marah kepadanya, lalu beliau memerintahkan Amir Othman yang berkuasa di Uyainah (yang membantunya sebelum ini) supaya menghalau Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dari situ.

Permintaan Amir Ihsaa, Sulaiman al-Humaidi itu tidak dihirau oleh Amir Othman (Amir Uyainah). Akhirnya Sulaiman Ibn Syamis ketua kabilah orang Badawi di Uyainah membuat pakatan untuk memberontak dan menentang Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Sebelum itu beliau memberi amaran kepada ketua-ketua kabilah di Uyainah supaya jangan menyokong Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan memberitahu mereka bahawa dia dan pengikutnya akan menentang Muhammad Ibn Abd al-Wahhab serta akan menghalaunya keluar dengan kekerasan. Sekiranya beliau enggan juga peperangan akan berlaku.

1. *Ibid.*

Rancangan pemberontakan Sulaiman Ibn Syamis mendapat sokongan daripada orang ramai sehingga membimbangkan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Amir Othman serta penyokong-penyokong mereka. Bagi mengelakkan daripada berlakunya pertumpahan darah, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab membuat keputusan mengundurkan diri dari Uyainah dan pergi ke Diriyyah. Keputusan ini dipersetujui oleh Amir Othman.¹

Kalau menurut pendapat pengarang-pengarang lain seperti pengarang Kitab *Unwan al-Majdi fi Tarikh Najd* bernama Shaykh Ibr. Basyir dan lain-lain yang sealiran dengannya, didapati pendapat mereka berbeza dari apa yang tersebut di atas. Pendapat ini menyebut bahawa Amir Sulaiman al-Humaidi yang berkuasa di Ihsaa memarahi Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan meminta daripada Amir Othman (yang memerintah Uyainah) supaya menghalaunya dari Uyainah, sedangkan baginda Amir Othman tidak berkuasa hendak menentang arahan Amir Sulaiman itu. Jika tidak dilakukan suruhan tersebut, hasil tanah yang dipungut di Ihsaa tidak akan diberi kepadanya.¹

-
1. Ahmad Ab Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 39.
 2. *Ibid*, hlm. 218, Shaykh Othman Ibn Basyr, *op.cit.*, hlm. 13.

Dengan itu Amir Othman memberitahu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengenai perintah Amir Sulaiman dan menjelaskan yang dia tidak terdaya hendak membantahnya. Mendengar perintah itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab berkata kepadanya:

"Apa yang aku lakukan dan aku dakwahkan ini ialah kalimah *Lailaha illallah*, perkara rukun Islam, *amal makruf* dan *nahi mungkar*. Oleh itu jika tuan berpegang dengannya dan menyokongnya, Allah Taala memenangi tuan di atas musuh-musuh tuan. Jangan takut dan gerun kepada Amir Sulaiman. Saya mengharap semoga tuan dapat melihat kejayaan (kita) ke atas negerinya dan negeri-negeri yang lain."¹

Jawapan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ini tidak diterima oleh Amir Othman. Akhirnya baginda memberitahu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab untuk kali kedua dengan berkata,

"Bahawa Amir Sulaiman memerintahkan kami supaya membunuh tuan, sedangkan kami tidak terdaya hendak melanggar dan membantahnya. Kalau kami membunuh tuan dalam negeri kami, kami dianggap seorang yang tidak bermaruah. Oleh itu untuk keselamatan tuan, keluarlah dari negeri ini."¹

1. *Ibid*, hlm. 13-14.

2. *Ibid*, hlm. 14.

Dengan perintah itu akhirnya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab pun keluar dari Unaiyah menuju Dariyyah dengan diikuti oleh seorang lelaki suruhan Amir Othman yang menunggang seekor kuda.

Kalau dilihat kepada kedua-dua sumber mengenai berlakunya perpindahan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab ke Diriyyah di atas, mungkin kita bertanya-tanya yang mana satukah sumber yang betul? Ahmad Abdul Ghafur Attar menolak pendapat kedua di atas, dengan memberi alasan. Antaranya:¹

- (i) Apa yang disebut oleh ibn Basyr yang mengatakan bahawa Amir Othman ibn Muammar memarahi dan menentang Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab sehingga disuruh keluar dari Uyainah, itu adalah bercanggah dengan hakikat sejarah yang sebenar. Ini kerana ahli sejarah yang hidup sezaman dengan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab atau yang menulis tentang sejarah beliau, tidak menyebut mengenai peristiwa tersebut. Ini menunjukkan perkara itu tidak berlaku. Kerana jika berlaku, tentunya mereka ada menyebutnya.

1. Ahmad Ab Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 57-59.

- (ii) Shaykh Hussayn ibn Ghannam, seorang anak murid kepada Muhammad Ibn Abd al-Wahhab yang mengarang kitab *Raudhah al-Ifham*, sebuah kitab yang menerangkan mengenai sejarah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, tidak menyebut peristiwa perbalahan yang berlaku di antara Amir Othman ibn Muammar dengan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Sekiranya peristiwa itu benar-benar berlaku, sudah tentu Ibn Ghannam lebih mengetahui daripada ibn Basyr yang hidup selepasnya dan tidak sempat melihat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab serta tidak sempat belajar dengannya.
- (iii) Kitab *Unwan al-Majdi fi Tarikh al-Najd* jilid pertama karangan Ibn Basyr sendiri yang telah ditashihkan oleh Shaykh Muhammad ibn Mani'. Ibn Basyr ada menyebut: "Ketahuilah kamu, semoga Allah memberi berkat kepada kamu, sesungguhnya aku telah menyebut dalam penulisanku pada peringkat awal beberapa perkara mengenai Ibn Muammar (Amir Othman ibn Muammar) dan seorang tentera berkudanya yang (mengiringi Shaykh Muhammad) disuruh oleh Amir Othman kepada tentera tersebut supaya membunuh Shaykh (Muhammad) di tengah jalan dan lain-lain

cerita lagi. Selepas itu aku mendapat pengesahan bahawa kesemua cerita itu tidak ada asal-usul dan sumber yang sah. Lalu aku membuangkannya dari dalam tulisan buku aku."

Daripada hujah-hujah dan bukti-bukti yang dinyatakan di atas penulis membuat kesimpulan bahawa sebab pertama iaitu mengelakkan diri daripada dibunuh oleh golongan Sulaiman Ibn Syamislah yang menyebabkan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab terpaksa berpindah dari Unaiyah ke Diriyah, bukan kerana sebab yang kedua seperti yang dikemukakan oleh Ibn Basyr. Walaupun begitu masih ramai pengarang yang mengambil dan menerima sebab kedua dan dimasukkan ke dalam buku-buku mereka.

d. **Dakwah Di Dir'iyyah**

Sebaik sahaja Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sampai di Dir'iyyah pada tahun 1158H., beliau singgah bermalam di rumah seorang muridnya Shaykh Abdullah ibn Abd. Rahman ibn Suwailim. Ketibaan beliau disambut oleh Shaykh Abdullah dalam keadaan takut, kerana dibimbangi kalau-kalau dimarahi oleh Amir Muhammad ibn Saud yang berkuasa di situ. Apabila berita ketibaan Muhammad diketahui oleh isteri Amir Muhammad ibn Saud, beliau memberitahu suaminya dan meminta supaya

dijadikannya sebagai sahabat.

Pandangan isterinya itu diterima baik oleh Amir Mohammad Ibn Saud. Lalu baginda sendiri pergi berjumpa Muhammad di rumah Abdullah ibn Abd. Rahman Suwailim dan memberi jaminan akan membantu beliau.

Selepas itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab pun mula mengajar Amir Muhammad ibn Saud mengenai perkara-perkara yang diperintah oleh Nabi Muhammad s.a.w. dan perkara-perkara yang dilarangnya. Beliau juga menerangkan mengenai perkara-perkara bid'ah, kewajipan berjihad, perkara-perkara syirik dan kezaliman yang berlaku dalam masyarakat Najd pada masa itu.¹

Setelah Amir Muhammad yakin dengan ajaran yang diajar oleh Muhammad, beliau memberi jaminan mahu membantunya.

Akhirnya mereka berdua masing-masing memberi bai'ah di antara satu sama lain bagi meneruskan dakwah untuk menegakkan agama Allah, berjihad pada jalanNya, menghapuskan sebarang bentuk syirik, khurafat, bid'ah dan penyelewengan, membetulkan aqidah umat Islam dan melaksanakan hukum-hukum Islam dalam masyarakat serta

1. *Ibid.*

menyuruh orang membuat **amal ma'ruf** dan menegah perkara-perkara **mungkar**, juga berjanji mahu memperbaiki kerosakan yang berlaku di seluruh Najd sama ada dalam bidang aqidah, agama, politik, masyarakat dan sebagainya.¹ Bai'ah (perjanjian) ini berlaku pada tahun 1158H. bersamaan 1745M.² Di Dir'iyyah beliau dapati ramai penduduk-penduduknya sama dengan penduduk-penduduk di tempat lain melakukan syirik kepada Allah, mengerjakan bid'ah, khurafat, meninggalkan sembahyang, tidak mengeluarkan zakat dan mengabaikan lain-lain kewajipan agama. Kerana itu beliau memulakan dakwah dengan memberi nasihat dan peringatan kepada mereka, menyuruh mereka melakukan perkara-perkara yang baik dan mlarang mereka daripada melakukan kemungkaran. Beliau menjelaskan kepada mereka pengertian kalimah "**Lailaha illallah**" dan mengajar mereka tiga prinsip (usul) agama iaitu:

- (1) Mengenai Allah s.w.t.: Dialah Allah yang menjadikan makhluk seluruhnya dan mengutus Rasul kepada manusia. Sesiapa yang mentaatiNya akan diberi balasan syurga dan sesiapa yang melanggar hukumNya akan dimasukkan ke dalam neraka.

-
1. Ab. Rahman b. Ab. Latif, *op.cit.*, hlm. 30.
 2. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 37.

- (2) Menerangkan mengenai syirik dan mengelakkan orang ramai daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menjadi syirik.
- (3) Menerangkan bahawa sesiapa yang mentaati Allah dan RasulNya hendaklah menjauhkan diri daripada membantu dan melantik orang yang menentang Allah dan RasulNya.¹

Beliau juga menerangkan pengertian Islam sebagaimana yang dikehendaki oleh Allah, beliau menerang mengenai rukun-rukun Islam, aqidah yang betul dan lain-lain lagi.² Semasa di sini juga beliau mengambil peluang berdakwah melalui surat. Banyak surat dakwah ditulis dan dihantar kepada ulama' dan pembesar-pembesar negeri. Dalam surat-surat itu beliau menerangkan erti Islam, hakikat tauhid dan memberi perangsang supaya mereka mengikut syariat Allah dan Sunnah Rasulullah s.a.w. juga menyuruh mereka meninggalkan perkara-perkara bid'ah, syirik, meninggalkan rasuah dan menjauhi dari memakan makan yang haram.³

-
1. Shaykh Muhammad Abd al-Wahhab, *al-Usul al-Thalathah wa Adillatuha wa Syurut al-Salah*, Dar al-Ifta, Riyadh, t.t., hlm. 3.
 2. Ab. Rahman b. Ab. Latif, *op.cit.*, hlm. 30.
 3. *Ibid.*

Hasil daripada dakwah tersebut, orang ramai terbahagi kepada dua golongan. Satu golongan tertarik dan sayang kepadanya lalu mematuhi dan mengamalkan apa yang didakwahkannya, sehingga ramai orang datang belajar dari Dir'iyyah dan dari kawasan-kawasan sekitarnya termasuk dari Uyainah. Di samping itu tidak kurang juga ramai yang benci dan menentang dakwahnya sehingga ada ulama' mengeluarkan hukum dan fatwa menghalalkan darah beliau dan darah pengikut-pengikutnya. (Beliau dan pengikutnya harus dan halal dibunuh) dan mengatakan bahawa beliau wajib ditentang dan mesti dihalau keluar negeri.¹

Walaupun begitu, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tetap sabar meneruskan dakwahnya. Menerima celaan dan cacian dengan hati yang tabah dan berhujah dengan musuh serta penentangnya dengan baik. Semakin kuat musuh-musuhnya menentang beliau, semakin tabah pula beliau meneruskan dakwah. Tentangan daripada saudaranya Sulaiman yang begitu kuat di peringkat awal dihadapinya dengan hati yang terbuka. Sehingga akhirnya Sulaiman kembali menyokong beliau dan meminta maaf kepadanya serta membuat pengakuan bahawa kitabnya yang ditulis² untuk

1. *Ibid.*

2. Kitab beliau yang ditulis bagi menentang saudaranya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bernama *al-Sawaiq al-Ilahiyyah fi al-Rad ala al-Wahabiyyah*.

menolak pendapat Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bukan kerana mencari kebenaran, bahkan kerana hasad dengki semata-mata.²

Dengan berkat usaha dakwah yang dijalankan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bersama Amir Muhammad ibn Saud, didapati semakin ramai orang yang menyokongnya terutama penduduk-penduduk di kawasan Najd, Ihsaa, Basrah dan kawasan-kawasan di sekitar tempat-tempat tersebut. Dengan berlakunya perubahan ini ramai pula pembesar-pembesar dan pemerintah yang benci kepadanya. Di antara musuh-musuh yang kuat menentang gerakan dan dakwah beliau ialah Duham ibn Duwas Amir Riyadh, Sulaiman Ibn Muamar Amir Ihsaa, Ibn Khalid dan Ibn Muflaq Amir Qatif dan Ibn Thuwaini Amir Basrah.¹

Kerana itu setelah beberapa tahun berada di Dir'iyyah, dakwahnya berubah daripada dakwah biasa kepada dakwah jihad bersenjata. Jihad bersenjata yang diisyiharkan, antara lain bertujuan untuk mempertahankan akidah, jiwa raga, mempertahankan diri dan maruah, harta benda dan untuk menenangkan keadaan bagi memberi peluang supaya dakwah dapat diperkembangkan

1. Ahmad ibn Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 67-68.

2. *Ibid.*

dengan baik tanpa ada sebarang tentangan yang besar.¹

Sebelum beliau memulakan perang, pihak musuh terlebih dahulu melakukan tentangan dan permusuhan terhadapnya. Sebagai contoh, pada tahun 1159H. bersamaan 1765M., Amir Riyadh Duham ibn Duwas dengan tenteranya yang kuat menuju Mamfuhah dan melakukan pemberontakan di situ dengan membedil kebub-kebun tamar, membunuh orang awam lelaki dan perempuan serta kanak-kanak yang mereka jumpai. Mereka melakukan tentangan itu semata-mata kerana penduduk Mamfuhah menerima dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab. Oleh kerana Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Amir Muhammad ibn Saud telah mengadakan perjanjian pertahanan dengan penduduk di Mamfuhah, maka Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Amirnya menyiapkan satu angkatan tentera yang besar dipimpin oleh Amir Muhammad sendiri bagi menyerang Riyadh. Apabila hal ini diketahui oleh Duham, ia menyembunyikan diri kerana ketakutan. Daripada peristiwa ini bermulalah permusuhan secara terang-terangan di antara kedua-dua Amir Riyadh dengan Amir Diriyyah dan selepas itu sering berlaku perang, tetapi kemenangan selalu berada di pihak Amir Diriyyah. Perang di antara kedua-dua Amir ini

1. Sayyid Muhammad Ibrahim, *Tarikh al-Mamlakah al-Arabiyyah al-Saudiyyah*, Maktabah al-Riyadh al-Hadith, Riyadh, 1973-1393, hlm. 41.

berterusan selama kira-kira 28 tahun.¹ Dalam masa yang panjang itu beberapa kali perdamaian telah ditandatangani tetapi kerap kali perdamaian dicabul oleh Amir Duham ibn Duwas.

Selepas itu berlaku lagi peperangan dengan Amir-amir lain yang menentang dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan Amir Muhammad Ibn Saud. Peperangan berterusan selama kira-kira 21 tahun.² Tetapi akhirnya hasil daripada usaha dakwah yang berterusan dan pertolongan Allah, umat Islam mula bersatu semula selepas mereka berpecah belah. Mereka mula berpegang teguh dengan ajaran Allah setelah dahulunya banyak melakukan syirik dan penyelewengan. Mereka mula melaksanakan hukum-hukum Islam dalam pemerintahan selepas dahulunya kurang dipedulikan.³

Kemudian setelah Amir Muhammad ibn Saud meninggal dunia pada tahun 1179H., tempatnya diganti oleh anaknya Amir Abd. Aziz ibn Muhammad serta meneruskan usaha-usaha jihad sehingga akhirnya beliau dapat menawan Riyadh pada

-
1. Husayn Ibn Ghannam, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 90-96.
 2. Ahmad Ab. Ghafur Attar, *op.cit.*, hlm. 75-77.
 3. Abd Rahman Ab. Latif, *op.cit.*, hlm. 31.

tahun 1187H., bersamaan 1773M. Selepas itu satu demi satu kawasan lain dapat dikuasai olehnya termasuk menawan Ihsaa, Qatif, Tuhamah, Yaman dan Hijaz. Setelah baginda memerintah selama kira-kira 27 tahun, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab meninggal dunia iaitu pada tahun 1206H, bersamaan tahun 1792M. ketika beliau berumur 91 tahun.¹

Pada masa Amir Abd. Aziz ibn Muhammad ibn Saud memerintah dan mentadbir "Kerajaan Saudi Pertama", Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab berhenti daripada menjalankan urusan politik dan pentadbiran, kerana melibatkan diri sepenuh masa dengan ibadah dan urusan keagamaan. Walaupun begitu Amir Abd. Aziz selalu merujuk dan berbincang dengannya.²

Daripada huraian di atas dapatlah disimpulkan bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menjalankan dakwahnya melalui tiga peringkat:

Pertama: Dakwah kepada jalan Allah dengan memberi nasihat, perbincangan, tunjuk ajar yang dilakukan semasa berada di Basrah, Huraimila, juga semasa di Uyainah dan di Diriyyah.

1. *Ibid.*, hlm. 31-32.

2. Muhammad Kamal Jum'ah, *op.cit.*, hlm. 40.

Kedua: Peringkat mempraktikkan dan perlaksanaan dengan menggunakan kuasa yang ada seperti menjalankan hukuman rejam ke atas perempuan yang berzina, memotong pokok-pokok kayu yang dianggap keramat oleh orang ramai juga meruntuhkan bangunan di kubur seorang sahabat yang dianggap keramat. Peringkat ini dilakukan semasa beliau di Uyainah setelah mendapat sokongan pemerintah di situ.

Ketiga: Peringkat jihad bersenjata bagi menghadapi orang yang menentang dakwahnya dan bagi menarik mereka supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar di samping berdakwah biasa. Peringkat ini dilakukan sebaik sahaja mendapat bantuan daripada Amir Diriyyah, Amir Muhammad Ibn Saud. Dalam masa yang sama juga beliau menjalankan dakwah secara aman iaitu melalui surat dan mengajar orang ramai di masjid pada waktuwaktu yang ditentukan.

G. SEBAB-SEBAB DAKWAHNYA BERKEMBANG LUAS

Ada beberapa perkara yang menyebabkan dakwah beliau tersebar begitu luas. Antaranya ialah:¹

(a) **Usaha Berterusan Daripada Beliau Dan Pengikutnya**

Untuk menyebarkan dakwah dan ajaran serta buah fikirannya, Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengorbankan apa sahaja yang ada padanya. Beliau mengorbankan jiwa raga, harta dan masa, menempuh ujian dan tentangan dengan tabah dan sabar. Semasa beliau dihalau di Uyainah umpamanya, beliau menghadapi ujian itu dengan penuh yakin, tidak lupa kepada Allah, lidahnya selalu membaca firman Allah:²

وَمَنْ يَتَقَرَّبْ إِلَيْهِ بِجُنْاحٍ لَهُ مَغْرِبٌ وَّيَرْزَقُهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

-
1. Lihat Dr. Ahmad Attyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 398-407, Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *Da'wah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab wa Atharuhu fi al-Alam al-Islami*, Idarah al-Matbaah, Riyadh, 1988, hlm. 76-80.
 2. Surah al-Talaq, ayat 2-3.

Terjemahan:

Dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (daripada segala yang menyusahkan) serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hati.

Juga beliau selalu bertasbih mengingati Allah dengan menyebut:¹

سُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لَهُ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ أَكْبَرُ

Terjemahannya:

Maha Suci Allah, segala puji hanya bagi Allah, tidak ada Tuhan yang disembah dengan sebenar melainkan Allah, Allah Maha Besar.

Beliau tidak jemu-jemu berdakwah, bukan sahaja dengan cara mengajar, berceramah dan memberi nasihat, tetapi juga dengan menulis dan mengarang kitab-kitab, risalah-risalah dan surat-surat dakwah kemudian dihantar kepada orang tertentu untuk menjelaskan ajarannya yang sebenar serta menjawab persoalan-persoalan dan tuduhan-tuduhan yang dilemparkan kepadanya.

1. Shaykh Othman Ibn Basyr, *op.cit.*, jld. 1, hlm. 14.

Selain itu, dakwah beliau dibantu pula oleh pihak pemerintah. Ini memberi kesan yang besar kepada pergerakannya. Pada peringkat awal semasa di Uyainah beliau dibantu oleh Amir Othman ibn Muammar. Di Diriyyah, beliau dibantu oleh Amir Muhammad ibn Saud.¹ Dengan bantuan penuh oleh Amir Muhammad ibn Saud dakwah dan gerakan beliau dapat tersebar bukan sahaja di Diriyyah tetapi juga hampir ke seluruh Semenanjung Tanah Arab.

Setelah mereka berdua meninggal dunia gerakan **Salafiah** yang diperkenalkan itu disambung pula oleh anak cucu mereka dengan mendapat sokongan penuh daripada seluruh rakyat. Mereka menjadikan Makkah dan Madinah sebagai tempat yang paling baik untuk menyebarkan ajaran gerakan mereka kepada pelajar-pelajar dan jamaah haji yang datang dari pelosok dunia Islam.

(b) **Prinsip Dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab**

Prinsip dan ajaran dakwah yang dibawa oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah berasaskan kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w., ia terang, jelas serta mudah difahami dan sesuai dengan fitrah manusia. Dakwah beliau adalah dakwah Islam yang suci murni tidak

1. Lihat sejarah dakwah yang telah disebut sebelum ini

ada unsur-unsur syirik, bid'ah dan khurafat.¹

Beliau selalu menjelaskan bahawa apa yang dibawa adalah diambil daripada ajaran Rasulullah s.a.w. bukan rekaan daripada beliau sendiri. Beliau menjelaskan ajarannya,²

"Bahawa aku, **al-Hamdulillah**, seorang yang mengikut (Nabi) dan aku bukannya seorang **mubtadi'** (orang yang mereka-reka perkara baru dalam agama)."

Di tempat lain beliau berkata:

"Kami (aku dan orang yang mengikutku) - **al-Hamdulillah** - adalah orang yang mengikut Nabi, bukan orang yang **mubtadi'** (orang yang mereka-reka perkara baru dalam agama). (Kami mengikut) Mazhab Imam Ahmad ibn Hanbal."³

Dalam surat beliau kepada Abdullah ibn Muhammad seorang yang tidak setuju dengan ajarannya beliau menjelaskan ajarannya dengan berkata:

-
1. Dr. Muhammad ibn Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 76.
 2. Abd Rahman Ibn Qasim al-'Asimi al-Najdi, **Al-Darar al-Saniyyah al-Ajwibah al-Najdiyyah**, cet. 3, jil. 1, Dar al-Arabiyyah Li al-Tibaah wa al-Nasyr, Beirut, 1978-1998, hlm. 54.
 3. *Ibid.*, hlm. 43.

"Sesungguhnya aku telah dihidayahkan oleh Allah kepada jalan yang lurus dan agama yang betul. Aku bukanlah dari kalangan orang musyrik. **al-Hamdu lillah** aku tidak mengajak kepada mana-mana mazhab Sufi atau kepada seseorang fakih tertentu, tidak juga kepada ulama' mutakalim yang tertentu atau kepada mana-mana imam (ulama') besar seperti Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah, al-Zahabi, Ibn Kathir dan lain-lain lagi. Bahkan aku menyeru orang ramai supaya mentauhidkan Allah dan dengan mensyirikkanNya. (supaya beriman dan mengikut Sunnah Rasulullah s.a.w.) yang diwasiatkan kepada umatnya yang terdahulu dan yang terkemudian. Aku berharap aku tidak menolak kebenaran yang datang kepadaku bahkan aku bersaksi dengan Allah dan jangan malaikat-malaikatNya dan juga dengan semua makhlukNya, sekiranya datang kepadaku daripada kamu satu kebenaran aku tetap akan menerimanya dengan penuh rela dan aku akan meninggalkan mana-mana pendapat ulama' mazhabku yang menyalahi kebenaran itu dan (ketahuilah) Rasulullah s.a.w. tidak berkata sesuatu kecuali benar."¹

Kerana ajarannya yang jelas dan terang serta berasaskan kepada al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w., mengikut pendapat ulama'-ulama' **Salafus al-Salih**, maka ajarannya senang diterima oleh orang ramai lebih-lebih lagi oleh orang yang ingin mencari kebenaran. Walaupun begitu tidak kurang juga di sana ada musuh-musuh yang menentangnya.

1. *Ibid.*, hlm. 32.

(c) Muncul Gerakan di Waktu Yang Sesuai

Dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan gerakannya muncul di waktu yang paling sesuai. Di mana kelahirannya di waktu masyarakat dan dunia Islam berada dalam penyelewengan agama. Perkara bid'ah, syirik dan khurafat berkembang begitu subur dan boleh didapati di mana-mana sahaja, kemudian ditambah pula dengan keadaan politik umat Islam yang lemah serta kemunduran sosial ekonomi dan sebagainya.¹

Keadaan dan suasana masyarakat Islam yang begitu rupa tentunya perlu kepada suatu gerakan pembaikan dan *Islah* yang berasaskan kepada ajaran al-Qur'an dan Hadith dan melaksanakan segala prinsip-prinsip Islam yang telah banyak ditinggalkan. Oleh kerana gerakannya mengajar umat Islam ke arah membasmi kemungkaran, kerosakan, bid'ah, syirik dan sebagainya dan ia dibantu pula oleh kekuasaan pemerintah, dengan itu gerakan ini diterima baik oleh ramai umat Islam. Walaupun begitu, tidak dinafikan juga ramai yang menentangnya kerana setiap perkara yang baik itu mesti ada musuhnya.² Hal

-
1. Telah dijelaskan dalam bahagian dakwah beliau sebelum ini.
 2. Dr. Muhammad ibn. Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 78-79.

ini berbeza sedikit dengan gerakan-gerakan *Islah* yang lain. Gerakan *Islah* lain walaupun ada yang mengajak masyarakat supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenar, yang murni dan kembali kepada al-Qur'an dan Hadith tetapi ia tidak mudah berkembang. Ini adalah kerana tidak mendapat sokongan daripada pihak pemerintah bahkan ditentang dan ditindas habis-habisan oleh pemerintah sehingga ada daripada ketua gerakan itu dibunuhnya seperti Ibn Taimiyyah dia dipenjara beberapa kali sehingga mati dalam penjara.¹ Keadaan ini berbeza sekali dengan gerakan *Islah* Muhammad Ibn Abd al-Wahhab.

(d) **Kedudukan Makkah dan Madinah**

Di antara sebab penting cepatnya berkembang dakwah dan gerakan beliau ke seluruh dunia Islam kerana kedua-dua bandar Makkah dan Madinah dianggap sebagai bandar pusat tumpuan orang Islam daripada seluruh pelosok dunia Islam. Mereka datang untuk menunaikan haji, menziarahi makam Rasulullah s.a.w. dan belajar agama.

1. Muhammad Abu Zahrah, *Ibn Taimiyyah Hayatushu wa 'Asruhu Arauhu wa Fiqhuhu*, Dar al-Fikr al-Arabi, t.t., hlm. 91.

Kedatangan jamaah haji ke sini memberi peluang kepada mereka mengenali dari dekat gerakan *Salafiah* yang dibawa oleh beliau dan mereka berpeluang mempelajari ajaran-ajaran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab melalui murid-muridnya yang mengajar di Masjid Nabawi dan Masjid al-Haram, berbincang, berdialog, mengadakan soal jawab dengan mereka sehingga mereka tertarik dengan ajarannya lebih-lebih lagi apabila mereka melihat keadaan di Arab Saudi ketika itu berada di dalam keadaan aman damai. Dengan itu mereka yakin kepada dakwah dan gerakan tersebut, lalu dibawanya ajaran itu ke negeri masing-masing dan disebarluaskan kepada orang ramai.¹

Dengan beberapa sebab yang tersebut di atas dan sebab-sebab lain lagi, gerakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab berkembang ke seluruh dunia Islam dan dapat membangkitkan semangat umat Islam untuk menghayati Islam secara menyeluruh dan mengawal aqidah Islam yang murni bersih daripada unsur-unsur syirik, khurafat dan bid'ah, membangkitkan semangat jihad dan juang di kalangan orang ramai. Ramai ahli sejarah menyebut kesan gerakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dalam buku-buku mereka.

1. Dr. Muhammad Ibn Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm 79.

Khairuddin al-Zirkali menyebut bahawa dakwah Muhammad yang bermula secara terang-terang pada tahun 1143H. - 1730M. merupakan obor pertama bagi kebangkitan kesedaran baru di dunia Islam keseluruhannya. Dakwah beliau telah mempengaruhi beberapa orang ketua gerakan reformasi (*rijal al-Islah*) di India, Mesir, Iraq, Sham dan lain-lain lagi; al-Alusi al-Kabir lahir di Iraq, Jamaluddin al-Afghani di Afghanistan, (kemudian di Mesir), Muhammad Abduh di Mesir, Jamaluddin al-Qasimi di Syam, Khiruddin al-Tunisi di Tunisia, Amir Ali di Calcutta dan ramai lagi yang lain.¹

Dari sini jelaslah bahawa dengan beberapa sebab yang tersebut di atas, gerakan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab telah berkembang dan tersebar hingga ke seluruh dunia Islam dengan cepat. Kerana itu lahirlah di seluruh dunia Islam tokoh-tokoh dakwah yang mengembangkan dakwah beliau di tempat masing-masing.

1. Khairuddin al-Zirkali, *al-illam*, jld. 6, t.t., hlm. 257, Dr. Attyyah al-Zahrani, *op.cit.*, hlm. 48.

H. SUMBER-SUMBER AJARAN DAKWAHNYA

Sebelum ini telah dijelaskan bahawa dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab adalah satu dakwah *islah* dan *tajdid* yang telah dapat melaksanakan ajaran Islam dalam masyarakat sebagai *al-Din* sehingga segala hukum-hakam Islam yang dikatakan *syumul* dan lengkap itu dilaksanakan di bawah sebuah kerajaan Islam. Akhirnya kerajaan ini terkenal dengan nama Kerajaan Islam Arab Saudi yang diasaskan oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bersama Amir Muhammad Ibn Saud dan keluarganya.

Di sini timbul pula satu persoalan baru. Apakah sumber-sumber ajaran dakwah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab? Apakah ia bersumberkan kepada ajaran Islam yang sebenar atau tidak? Setelah dibuat kajian dan penyelidikan didapati beliau sangat kuat berpegang kepada al-Qur'an al-Karim, Sunnah Rasulullah s.a.w., *athar-athar* daripada sahabat Rasulullah s.a.w., *athar-athar Salafus al-Salih*, pendapat imam-imam muktabar, juga pendapat Imam Ibn Taimiyyah dan Ibn Qaiyim al-Jauziyyah dan sebagainya. Untuk lebih jelas lagi di bawah ini akan diterangkan sumber-sumber tersebut sebagai bukti.

(a) Al-Qur'an al-Karim

Al-Qur'an al-Karim adalah sumber hukum syariat Islam yang pertama. Hal ini telah disepakati oleh semua ulama' Islam. Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab sangat mengambil berat terhadap al-Qur'an al-Karim, sehingga sebelum berumur 10 tahun beliau telah menghafal seluruh ayat al-Qur'an.¹ Di samping itu jika dilihat kepada kitab-kitab karangan beliau dan kepada risalah-risalah dakwah yang dihasilkan kita dapati beliau sangat kuat berpegang kepada al-Qur'an. Setiap pendapat, pegangan atau kata-kata yang dikemukakan dibuktikan dengan dalil daripada ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. bagi menguatkan pendapat dan pandangannya. Terdapat setengah daripada hasil karya penulisan beliau dipenuhi oleh ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w.² dan tidak ada ulasan yang panjang lebar daripada pendapat beliau sendiri.

Sebagai contoh di dalam Kitab **Tawhid** yang dianggap salah satu daripada karya tulisan beliau yang penting dipenuhi dengan dalil-dalil ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. Setiap tajuk tertentu

-
1. Lihat sejarah hidup beliau sebelum ini.
 2. Dr. Muhammad Abdullah al-Salman, *op.cit.*, hlm. 34.

disertakan dengan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. sebagai dalil bagi menjelaskan maksud sesuatu tajuk. Kemudian disertakan pula pendapat-pendapat ulama' khususnya ulama' **salaf** sekiranya ada. Selepas itu barulah dibuat kesimpulan daripada pendapatnya sendiri.

Sebagai contoh lain di dalam kitabnya bernama, **Usul al-Iman** ditulis satu fasal (atau tajuk) khas mengenai pentingnya berpegang kepada al-Qur'an. Fasal itu diberi nama **al-Wasiyyah bi Kitabillah** (Wasiat dengan kitab Allah (al-Qur'an).

Dalam fasal ini beliau menjelaskan perlunya umat Islam berpegang kepada al-Quran dengan membawa sepotong ayat al-Quran surah al-'Araf, ayat 3, maksudnya:

"Ikutilah apa yang diturunkan kepada mu dari Tuhan mu dan janganlah kamu mengikuti pemimpin-pemimpin selain-Nya. Amat sedikit kamu mengambil pelajar (daripadanya)."

Kemudian dibawa beberapa hadith yang menjelaskan supaya umat Islam mesti berpegang kepada al-Quran yang menjadi petunjuk dan cahaya kepada mereka dan sesiapa

-
1. Al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, **Kitab al-Tawhid**, al-Maktab al-Islami, t.t., dari awal sampai akhir.

yang mengikutinya akan mendapat petunjuk dan yang meninggalnya akan sesat.¹

Kerana itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab selalu menasihati pengikut-pengikutnya supaya mengutamakan al-Qur'an dan Hadith lebih daripada sumber-sumber lain. Sumber-sumber lain itu boleh diambil jika tidak bercanggah dengan al-Qur'an dan Hadith.

(b) **Sunnah Rasulullah s.a.w.**

Sunnah Rasulullah s.a.w. adalah sumber hukum syariah yang kedua selepas al-Qur'an. Kalau di atas tadi dijelaskan bagaimana Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengutamakan al-Qur'an dan mengambil berat terhadapnya, sehingga beliau menghafal al-Qur'an semenjak kecil lagi, maka demikian juga dengan Hadith. Semenjak awal pengajiannya lagi beliau telah mempelajari Hadith atau Sunnah Rasulullah s.a.w. dengan beberapa orang ulama' sehingga kesemua kitab Hadith seperti Sunan Sittah, Masnad-masnad dan lain-lain lagi sempat dipelajarinya sebagaimana yang telah disebut dalam bahagian pengajian beliau dahulu.¹

-
1. Shaykh Muhammad Ibn al-Wahhab, *Kitab Usul al-Imam*, dalam Mualafat al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn Abd al-Wahhab, jid. 1, hlm. 256-259.
 2. Lihat dalam pengajian beliau sebelum ini

Dalam kitab-kitab karangan beliau dan juga karangan ulama' yang mengikuti beliau didapati dipenuhi dengan ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith-hadith Rasulullah s.a.w. Boleh dikatakan pada setiap bab atau pada sesuatu tajuk, terlebih dahulu beliau mengemukakan ayat-ayat al-Qur'an. Kemudian diikuti pula dengan Hadith Rasulullah s.a.w. Dalam Kitab *Usul al-Iman* yang tersebut di atas tadi, umpamanya Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengadakan satu fasal khas bertajuk *Tahrissuhu s.a.w. ala Luzumi al-Sunnah* (Rasulullah s.a.w. mengambil berat supaya umatNya berpegang dengan Sunnah). Fasal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa beliau sendiri berpegang kepada Hadith dan meminta umat Islam supaya mematuhi perintah Rasulullah s.a.w. yang menyuruh umatNya menghayati ajaran Hadith Baginda s.a.w.

Di antara bukti lain yang menunjukkan beliau mengambil berat terhadap Hadith Rasulullah s.a.w. dalam menyebarkan dakwahnya, beliau telah berusaha meringkas Kitab Sahih al-Bukhari. Kitab tersebut diberi nama *Mukhtasar Sahih al-Bukhari*. Beliau juga telah meringkaskan *Sirah Rasulullah s.a.w.* dan diberi nama *Mukhtasar sirah al-Rasulullah s.a.w.*. Penulisan ini dilakukan bertujuan untuk memberikan kemudahan kepada

pengikut-pengikutnya kembali kepada Hadith.¹

Di samping itu Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikutnya pernah menyebut bahawa Allah Taala mewajibkan kepada umatNya mentaati Allah dan RasulNya. Orang ramai tidak wajib mentaati suruhan dan larangan seseorang secara khusus kecuali suruhan dan larangan Rasulullah s.a.w.²

Ini bererti beliau mewajibkan ke atas setiap muslim mematuhi sepenuhnya apa sahaja yang terdapat di dalam al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. kerana kedua-duanya adalah sumber yang penting dalam ajaran Islam dan wajib dirujuki apabila berlaku sebarang perselisihan pendapat dalam sesuatu perkara.

Di sini jelas menunjukkan bahawa al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. adalah sumber ajaran dan pemikiran dakwah Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang utama.

-
1. Kamal al-Sayyid Darwis, *Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab al-Da'wah al-Wahhabiyyah*, Al-Iskandariyyah, Mesir, 1988, hlm. 166-168.
 2. Daripada Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 147.

(c) Athar daripada Salafus al-Salih

Sumber ketiga yang menjadi asas ajaran beliau ialah **athar-athar** daripada pendapat ulama' **Salafus al-Salih**, iaitu **athar-athar** daripada pendapat ulama'-ulama' para sahabat, tabiin dan tabii-tabiin, termasuk pendapat imam empat terutamanya pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal. Kalau dikaji di dalam kitab-kitab karangan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan kitab-kitab lain karangan ulama' gerakan ini, didapati banyak pendapat atau **athar** daripada imam empat dan lain-lain lagi dimasukkan ke dalam kitab-kitab tersebut dijadikan sebagai dalil bagi menguatkan pendapat mereka.

Beliau mengambil dan berpegang kepada pendapat ulama'-ulama' tafsir, Hadith dan sebagainya seperti pendapat Ibn Jarir al-Tabari, Ibn Kathir, Baidhawi, Imam al-Nawawi, Ibn Hajar al-Asqalani dan lain-lain lagi.

Beliau pernah menegaskan perkara ini seperti katanya:

"Untuk memahami ayat-ayat al-Qur'an, kami perlu mendapatkan bantuan daripada kitab-kitab Tafsir yang beredar di kalangan kami seperti Tafsir Ibn Jarir al-Tabari, ringkasannya Tafsir Ibn Kathir yang bermazhab Syafi'i, Tafsir al-Baidhawi, Khazin dan lain-lain lagi. Untuk memahami ilmu Hadith pula kami

merujuk kepada kitab-kitab Syarah Hadith oleh ulama'-ulama' terkenal seperti Syarah Muslim oleh Imam al-Nawawi dan Syarah al-Jami' al-Sarir oleh **al-Manawi**. Di samping itu kami sangat mengambil berat mengenai Hadith dengan merujuk kepada kitab-kitab Hadith yang lain khususnya kitab Sunan Sittah dan Syarah-syarahnya dan dengan kitab-kitab lain dalam semua ilmu sama ada Usuluddin, Fiqh, Sirah, Sejarah Islam, Bahasa Arab, Nahu, Saraf dan lain-lain lagi.¹

Di samping itu beliau kuat terpengaruh kepada buah fikiran dan pendapat tiga orang ulama' yang lain iaitu Imam Ahmad Ibn Hanbal, Ahmad Ibn Taimiyyah dan Muhammad Ibn Qaiyim al-Jauziyyah di samping kepada pendapat ulama'-ulama' ahli Sunnah yang lain lagi. Di bawah ini dijelaskan pula dengan ringkas mengenai beliau terpengaruh kepada ketiga-tiga ulama' tersebut:

(d) **Pendapat Imam Ahmad Ibn Hanbal (164H. - 241H.)**

Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab yang bermazhab Hanbali tentunya terpengaruh kepada Imam Ahmad, Imam mazhab tersebut. Semenjak kecil lagi beliau telah belajar Fiqh Hanbali dengan ayahnya dan juga dengan

1. Sulaiman Ibn Sahman, **op.cit.**, jid. I, hlm. 39-40.

guru-guru yang lain sewaktu berada di Makkah, Madinah, Basrah Uyainah dan lain-lain lagi.²

Muhammad Ibn Abd al-Wahhab terpengaruh kepada Imam Ahmad dan mazhabnya antara lain kerana mazhab itu telah tersebar di kawasan Najd semenjak abad ke sepuluh hijrah lagi. Mazhab Hanbali adalah di antara mazhab yang kuat menentang perkara-perkara bid'ah dalam agama, di samping merupakan satu mazhab yang kuat berpegang kepada Sunnah. Tambahan pula semenjak kecil lagi beliau telah didedahkan dengan ajaran mazhab Imam Ahmad oleh ayahnya kerana ayah, datuknya dan juga kesemua keluarganya bermazhab Hanbali.²

Muhammad dan ulama'-ulama' pengikutnya dalam perkara fiqh, mengikut mazhab Imam Ahmad Ibn Hanbal. Walaupun begitu mereka tidak menentang sesiapa yang bertaklik kepada Imam-imam mazhab yang lain, lebih-lebih lagi apabila hukum yang ditaklidkan itu mempunyai dalil

-
1. Al-Amin Abdul Razzak Muhammad Aswad, *Madkhal ila Dirasah al-Adyan wa al-Mazahib*, cet. I, jid. III, Dar al-Masir dan Dar al-Arabiyyah Li al-Mausuah, Beirut, 1981, hlm. 239 dan telah disebut sebelum ini dalam bahagian pengajian beliau yang lepas.
 2. Telah disebut sebelum ini dalam bahagian pengajian beliau.

yang kuat daripada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Apabila didapati di dalam sesuatu masalah atau sesuatu hukum daripada mazhab lain yang dalilnya lebih kuat daripada dalil yang dipegang oleh Imam Ahmad, mereka mengambil pendapat Imam-imam tersebut dan meninggalkan pendapat Imam Ahmad.¹

Adapun mengenai perkara Usul atau aqidah dan Tauhid, beliau dan pengikutnya berpegang kepada mazhab ahli Sunnah wal-Jamaah daripada aliran *Salafus al-Salih* tidak kepada aliran *khalaif*, sama seperti Imam Ahmad Ibn Hanbal, Imam Malik dan lain-lain lagi.²

(e) **Pendapat Shaykh Islam Ahmad Ibn Taimiyyah (661H. - 728H.)**

Di antara ulama'-ulama' yang sangat mempengaruhi Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab ialah Shaykh Islam Ahmad Ibn Taimiyyah yang terkenal dengan panggilan Ibn Taimiyyah. Banyak buah fikiran dan pendapat Ibn Taimiyyah dimuatkan ke dalam kitab-kitab karangannya dan beliau pernah menyalin beberapa buah kitab Ibn Taimiyyah

-
1. Lihat Ustaz Masud al-Nawawi, *op.cit*, hlm. 148.
 2. Akan diterang dalam bahagian buah fikirannya nanti.

dengan tangannya untuk dirujuk dan dijadikan panduan.¹

Memang Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab kuat terpengaruh kepada Ibn Taimiyyah. Kalau Ibn Taimiyyah seorang ulama' bermazhab Hanbali yang kuat menentang perkara-perkara syirik, khurafat, bid'ah dan taklid buta, demikianlah juga keadaannya dengan beliau. Kalau Ibn Taimiyyah menentang pengikut-pengikut tasauf yang menyeleweng, menentang ajaran falsafah Yunani yang berlawanan dengan ajaran Islam dan kuat berpegang kepada al-Qur'an, Sunnah Rasulullah s.a.w. dan pendapat *salafus al-Salih*, maka demikian jugalah dengan beliau.² Kalau Ibn Taimiyyah menentang unsur-unsur syirik dan khurafat seperti memotong pokok-pokok yang dipuja dan memecahkan batu-batu yang dianggap keramat oleh kebanyakan penduduk Syam,³ Muhammad Ibn Abd al-Wahhab pun berbuat demikian di peringkat awal dakwahnya.

Oleh kerana itulah kitab-kitab Shaykh al-Islam Ibn Taimiyyah dan juga kitab-kitab muridnya Shaykh Ibn Qaiyim al-Jauziyyah, dianggap sebagai kitab-kitab yang

-
1. Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, hlm. 529-530.
 2. Kamal al-Sayyid, *op.cit.*, hlm. 183-184.
 3. Muhammad Abu Zahrah, *op.cit.*, hlm. 530.

penting dan bernilai di sisi pandangan Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan juga di sini ulama'-ulama' pengikut beliau. Di samping itu mereka juga mengiktiraf ulama'-ulama' lain yang muktabar seperti Ibn Kathir, al-Zahabi, ulama'-ulama' pengarang sunan sittah, Imam al-Nawawi, ulama'-ulama' tafsir yang muktabar dan lain-lain lagi.

Sebagai bukti Muhammad Ibn Abd al-Wahhab terpengaruh kepada Ibn Taimiyyah di antara lain beliau menyalin beberapa pendapat Ibn Taimiyyah untuk dijadikan rujukannya. Bahan-bahan salinan itu ada tersimpan di dalam Muzium British. Selain itu dalam risalah-risalah dan buku-buku penjelasan mengenai ajaran dakwahnya dan dalam jawapan-jawapan terhadap tuduhan-tuduhan musuh, didapati dia banyak mengambil pendapat Ibn Taimiyyah dan pendapat Ibn Qaiyim dijadikan sebagai dalil dan bukti.¹

Sebagai contoh sewaktu dia menjelaskan haram sembahyang di waktu naik matahari, dia memetik pandangan Ibn Taimiyyah, katanya:

Abu al-Abbas (Ibn Taimiyyah) r.a. berkata: "Nabi s.a.w. melarang sembahyang di waktu naik dan jatuh matahari kerana matahari naik dan

1. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, him. 362.

jatuh di antara dua tanduk syaitan, dan waktunya ada orang kafir sujud kepada matahari. Sedangkan yang diketahui umum orang Islam tidak sujud kecuali kepada Allah. Ada ramai orang kadang-kadang tidak mengetahui bahawa naik dan jatuh matahari itu di antara dua tanduk syaitan dan tidak tahu ada orang kafir sujud kepada matahari. Sedangkan yang diketahui umum orang Islam tidak sujud kecuali kepada Allah. Selain itu Rasulullah s.a.w. melarang bersembahyang di waktu itu kerana mengelak dari menyerupai orang kafir."¹

Di tempat lain sewaktu dia menjelaskan orang yang tidak mahu membayar zakat boleh dihukum kafir, dia sekali lagi memetik pendapat Ibn Taimiyyah katanya:

"Abu al-Abbas (Ibn Taimiyyah) r.a. menyebut dalil tentang kafirnya orang yang tidak mahu membayar zakat dengan menyatakan bahawa sahabat (sewaktu mereka memerangi golongan *mani' al-zakat*) - mereka tidak bertanya orang itu adakah kamu masih menganggap zakat itu wajib atau kamu telah mengingkari kewajipannya, bahkan Abu Bakar berkata kepada Umar r.a. "Demi Allah jika lalu mereka menegah tidak beri kepadaku anak kambing betina (sebagai zakat) sedangkan dahulunya mereka memberinya kepada Nabi s.a.w. nescaya aku akan memerangi mereka kerana tidak mahu membayarnya." Dari sini jelas Abu Bakar menjadikan sebab harus memerangi mereka semata-

1. Abd. Aziz bin Zaid al-Rumi dan kawan-kawan, *Mualafat al-Shaykh al-Imam Muhammad Ibn. Abd. al-Wahhab*, jid. 1, hlm. 283.

mata mereka enggan membayarinya bukan kerana engkar wajib zakat; bahkan ada diriwayatkan ada dari kalangan mereka mengakui wajib zakat, tetapi tidak membayarnya kerana bakhil. Walaupun begitu sikap para sahabat semuanya sama iaitu bersetuju mereka itu mestilah diperangi, tawanan mereka dijadikan hamba dan harta mereka yang dirampas dijadikan harta *ghanimah* dan mereka dipanggil golongan *riddah*.¹

Sebenarnya banyak lagi pendapat Ibn Taimiyah dipetik oleh beliau, dan dimasukkan ke dalam risalah dan buku-bukunya. Dari sini jelaslah dia terpengaruh kepada Ibn Taimiyah.

(f) **Pendapat Shaykh Muhammad Ibn Qaiyyim al-Jauziyyah (691H. - 751H.)**

Shaykh Muhammad Ibn Qaiyim al-Jauziyyah yang terkenal dengan panggilan Ibn Qaiyim al-Jauziyyah salah seorang murid kepada Shaykh al-Islam Ibn Taimiyah. Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab terpengaruh kepada sifat-sifat mulia yang ada padanya termasuk kuat menentang unsur syirik dan bid'ah, juga terpengaruh kepada buah fikiranya. Sebab itu tidak hairanlah kalau terdapat di dalam kitab-kitab beliau banyak dimasukkan pendapat dan

1. Abd. Aziz bin Zaid al-Ruwi dan kawan-kawan, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 300-301

buah fikiran Ibn Qaiyim al-Jauziyyah, di samping pendapat Ibn Taimiyyah dan ulama'-ulama' yang lain.

Anak Muhammad Ibn Abd al-Wahhab bernama Shaykh Abdullah Ibn Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab pernah menyebut tentang ayahnya terpengaruh kepada kedua-dua ulama tersebut dengan menyebut bahawa Ibn Qaiyyim al-Jauziyyah dan gurunya Ibn Taimiyyah merupakan Imam (ikutan) yang sebenar daripada mazhab Ahli Sunnah. Kitab-kitab karangan mereka di sisi kami adalah di antara kitab-kitab yang paling mulia tetapi kami tidak bertaqlid kepada keduanya dalam semua perkara, ini kerana setiap pendapat seseorang boleh diambil dan diterima atau ditinggal kecuali Nabi Muhammad s.a.w.¹ Kerana terlalu kuat pengaruhnya kepada Ibn Qaiyim dan kepada hasil karya penulisannya, belaiu telah berjaya meringkaskan sebuah kitab karangannya, bernama *Kitab Zaad al-Maad fi Hadyi Khairi al-Ibad* dengan diberi nama *Mukhtasar Zaad al-Maad fi Hadyi Khairi al-Ibad*.

1. Sulaiman Ibn Sahman, *op.cit.*, hlm. 49, Dr. Salleh Ibn Fauzan al-Fauzan, *Min Masyahir al-Mujaddidin fi al-Islam*, al-Riasah al-'Ammah Li al-Buhuth al-Imiyyah wa al-ifta wa al-Da'wah wa al-Irsyad, Riyadh, 1480H., hlm. 80.

gurunya, bernazar kepada selain daripada Allah, bertawakkal tidak kepada Allah, beramal (ibadat) kepada selain daripada Allah, **bertaubat**, tunduk patuh dan menghina diri kepada selain daripada Allah, mencari rezeki tidak dari Allah, nikmat-nikmat Allah dikatakan bukan nikmatNya. Di antara syirik besar lagi seperti meminta sesuatu hajat dan pertolongan dari orang mati dengan penuh harapan, dan inilah punca syirik dalam dunia. Sesungguhnya apabila seseorang itu mati, maka terputuslah amalannya, dia tidak boleh memberi sebarang kebaikan dan manfaat kepada dirinya dan tidak mampu untuk menolak sesuatu bala yang menimpanya. Orang mati juga tidak dapat memberi manfaat kepada orang yang meminta pertolongan darinya ... Bahkan orang mati itu sendiri memerlukan pertolongan daripada orang lain untuk menolongnya, sebagaimana Rasulullah s.a.w. memesan kepada kita, kalau sekiranya kita datang menziarahi kubur orang Islam di suruh kita berdoa memohon rahmat dan keampunan¹ dari Alah kepada mereka...

Dari petikan di atas jelas bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab menerima pakai pendapat Ibn Qaiyyim al-Jauziyyah sama seperti pendapat Ibn Taimiyyah dan pendapat ulama-ulama lain yang muktabar.

Sebagai kesimpulan bolehlah dikatakan bahawa Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab menjadikan al-Quran dan Hadith Rasulullah s.a.w. sebagai sumber utama ajarannya.

1. Abd. Aziz bin Zaid al-Rumi dan kawan-kawan, *op.cit.*, jid. 1, hlm. 296.

Kemudian diikuti pula dengan **athar-athar** sahabat, pendapat ulama'-ulama' **Salafus al-Salih**, pendapat-pendapat imam-imam empat, juga pendapat Ibn Taimiyyah dan Ibn Qaiyim al-Jauziyyah di samping pendapat ulama'-ulama' mukhtabar yang lain.

Selain itu beliau juga kuat berpegang kepada ijmak ulama'. Ijmak ulama' yang diterima oleh beliau itu ialah ijmak pada perkara yang tidak berlawanan dengan nas al-Qur'an dan Hadith Rasulullah s.a.w. Di dalam surat beliau kepada Abdullah Ibn Abd. Latif beliau menjelaskan sikapnya mengenai perkara itu seperti katanya:

"Tidak ada perbezaan di antara aku dan kamu mengenai (sesuatu hukum) apabila ulama telah bersepakat (telah ijmak ulama'). Pada waktu itu kita wajib mengikuti mereka. Yang berselisih pendapat di antara aku dan kamu ialah apabila ulama'-ulama' itu juga berselisih pendapat sesama mereka. Pada masa itu adakah aku mesti menerima kebenaran dan merujuk masalah itu kepada Allah (al-Qur'an) dan RasulNya s.a.w. (Sunnah Rasulullah s.a.w.) sebagaimana yang dilakukan oleh ulama', atau aku mesti mengikut pendapat sesetengah ulama' yang tidak ada dalil dan bukti yang kuat? Kamu nampaknya mengambil pendapat yang kedua, sedangkan aku mengambil pendapat yang pertama.¹

1. Daripada Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, op.cit., hlm. 148.

Di tempat lain Dr. Abdullah menjelaskan sikap Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mengenai ijmak katanya:

"Apa yang didapati Shaykh Muhammad dan pengikutnya apabila mereka mahu mencari sesuatu hukum dalam sesuatu masalah, mula-mula mereka merujuk kepada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w. Apabila diperolehi hukum daripada kedua-dua sumber (atau salah satunya) mereka menerima hukum itu. Jika tidak ada, mereka melihat kepada ijmak ulama' *Salafus al-Salih* khususnya ijma para sahabat, tabii juga ijmak ulama' yang terkemudian.¹

Petikan di atas jelas menunjukkan bahawa Muhammad Ibn Abd al-Wahhab tetap berpegang kepada ijmak ulama' dan dijadikan sebagai asas kepada sumber ajarannya sama seperti ajaran ulama' yang lain. Kalau begitulah sikap beliau dalam mengambil hukum bagi sesuatu masalah, sudah tentulah beliau juga boleh menerima hukum yang diambil daripada qias kerana hukum-hukum itu juga pada asalnya diambil daripada al-Qur'an dan Sunnah Rasulullah s.a.w.

¹ *Ibid.*, hlm. 149.

Dengan ini menunjukkan beliau tidak menerima sesuatu pendapat dalam sesuatu masalah kecuali jika hukum itu disokong dengan dalil daripada hujah yang kuat.

I. HUBUNGAN DAKWAHNYA DENGAN SEBUTAN WAHHABI

Oleh kerana dakwah Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan gerakannya selalu dikaitkan dengan sebutan *wahhabi* atau "*wahhabiah*", maka penjelasan mengenai pakatan itu perlu dijelaskan supaya masyarakat dapat mengetahui mengapa sebutan itu dilabelkan kepada beliau, kepada gerakan dan pengikut-pengikutnya tidak kepada pemimpin dan gerakan lain? Apakah perkataan itu diperkenalkan oleh beliau dan pengikut-pengikutnya atau oleh musuh-musuh dan adakah beliau serta pengikut-pengikutnya merasa gembira dengan sebutan itu atau sebaliknya?

Orang ramai sama ada ada di Timur mahupun di Barat, rata-rata menggunakan panggilan "*Wahhabi*" atau "*Pengikut Wahhabi*" kepada mereka yang mengikut Muhammad Ibn Abd. al-Wahhab. Panggilan ini meliputi seluruh penduduk Arab Saudi sama ada yang tinggal di Makkah, Madinah, Riyadh dan sebagainya. Manakala aqidah yang dianutti atau dipegang oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan pengikut-pengikutnya disebut sebagai "*Aqidah Wahhabi*".¹

1. Dr. Abdullah Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 113 juga pengamatan dari penulis sendiri.

Sebenarnya, istilah-istilah dan panggilan "Wahhabi", "Pengikut Wahhabi" dan "Aqidah Wahhabi", kesemuanya tidak disukai oleh pengikut fahaman ini, sekalipun pada dasarnya mereka menganggap sebagai satu kebanggaan menjadi penganutnya. Mereka beranggapan bahawa penggunaan istilah dan sebutan di atas adalah bertujuan untuk menghina dan memperli mereka. Istilah-istilah itu juga telah disalah gunakan oleh musuh-musuh mereka dengan tujuan untuk memberi tafsiran bahawa *Wahhabi* ini adalah satu aliran mazhab baru dan menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenar serta dianggap sebagai satu aliran mazhab yang sesat,¹ dan keluar daripada mazhab empat. Ada orang mengatakan bahawa *Wahhabi* adalah mazhab kelima sama seperti mazhab *al-Khawarij*.² Istilah *Wahhabi* digunakan oleh musuh mereka dengan tujuan untuk melakukan propaganda agar orang ramai membencinya.³ Musuh-musuh golongan ini telah melakukan berbagai-bagai tuduhan terhadapnya, seperti mengatakan Muhammad ibn Abd. al-Wahhab menjadi

-
1. Prof. Dr. H. Aboe Bakar Aceh, *Perbandingan Mazhab Salef us Saleh Mahyu Atharis Salat*, cet. 1, Aman Press, Kota Bharu, 1976, hlm. 223.
 2. Dr. Abdullah Salleh al-Uthaimin, op.cit., hlm. 117.
 3. Umar Hasyim, *Apakah Anda Termasuk Golongan Ahlus Sunnah Wal-Jamaah*, cet. 1, Penerbitan Bena ilmu, Surabaya, 1982, hlm. 119.

Nabi melarang orang menziarah kubur, merendah-rendah kedudukan nabi s.a.w. dan sebagainya.¹

Di samping itu golongan ini juga berkata, penggunaan istilah **Wahhabi** merupakan penggunaan kaedah bahasa Arab yang salah, kerana nisbah yang betul bagi nama Muhammad yang menjadi pengasas kepada dakwah ini ialah "**Muhammadi**" atau "**Muhammadiah**" bukan "**Wahhabi**" atau "**Wahhabiah**". Sebutan "**Wahhabi**" atau "**Wahhabiah**" adalah sesuai jika dinisbahkan kepada ayahnya yang bernama Abd. al-Wahhab.² Sedangkan ayah beliau bukan pengasas ajaran itu.

Walaupun begitu di akhir-akhir ini ramai daripada sarjana Islam mengatakan penggunaan nisbah tersebut tidak salah daripada segi penggunaan Bahasa Arab, kerana seseorang itu kadang-kadang dikenali atau dinisbahkan dengan nama ayah atau anaknya. Umpamanya mazhab Imam Ahmad Ibn Muhammad ibn Hanbal, salah satu daripada mazhab empat yang diiktiraf oleh Ahli Sunnah Wal-Jamaah dikenali dengan nama mazhab Hanbali atau Hanbaliah dengan dinisbahkan nama itu kepada datuknya

1. Akan diterang tuduhan-tuduhan dalam bab yang akan datang.

2. Dr. Munir al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 242-243.

Hanbal¹ tidak kepada Ahmad yang mengasaskan mazhab tersebut. Sebutan ini telah digunakan dengan begitu meluas oleh semua orang. Kalaular penggunaan itu salah tentulah ia tidak digunakan lagi. Jadi penggunaan perkataan *Wahhabi* kepada pengasas ini dan kepada pengikutnya samalah dengan penggunaan al-Hanbali kepada Imam Ahmad Ibn Muhammad Ibn Hanbal dan kepada pengikut-pengikut mazhab tersebut. Kedua-duanya adalah penggunaan yang betul, tidak salah.

Sebagaimana yang disebutkan di atas, penggunaan perkataan *Wahhabi* dianggap oleh kebanyakan pengikut gerakan ini sebagai satu penghinaan kepada mereka oleh musuh-musuhnya. Kerana itu mereka tetap benci dan tidak suka mendengarnya.²

Siapa dan bilakah perkataan itu digunakan sehingga sekarang ini tersebar begitu meluas? Sebenarnya tidak terdapat bukti yang jelas tentang bila dan siapakah yang mula-mula menggunakan istilah tersebut. Walaupun begitu ada setengah sarjana menyebut istilah itu digunakan oleh musuh-musuh mereka dari Najd sebelum tahun 1168H. Sebagai contoh, Dr.

1. *Ibid.*, hlm. 243.

2. Hasil pengamatan penulis sewaktu belajar di Riyadh di awal tahun 80-an.

Munir al-Ajlani berpendapat, orang yang mula-mula sekali menggunakan istilah tersebut ialah saudaranya sendiri iaitu Shaykh Sulaiman sewaktu mereka berdua masih berselisih pendapat. Dr. Munir membuktikan pendapat itu dengan mengatakan bahawa Shaykh Sulaimaan saudaranya itu sebelum tahun 1168H., telah menulis sebuah buku (kitab) bertajuk *Al-Sawaiq al-Ilahiyyah fi al-Rad ala al-Wahhabiyyah*. (Petir Ilahi bagi menolak faham Wahhabi).

Di akhir judul buku itu Shaykh Sulaiman menggunakan perkataan "*al-Wahhabiyyah*". Jadi mengikut Dr. Munir al-Ajlani dan beberapa orang yang sependapat dengannya beranggapan bahawa dari judul itu jelas membuktikan ia datang dari Najd dari saudaranya sendiri semenjak tahun 1168H. lagi.¹

Tetapi kalau mengikut pendapat yang lain pula, judul asal buku Shaykh Sulaiman bukan sebagaimana yang tersebut di atas. Judul itu telah ditukar daripada judul asalnya oleh penyokong-penyokong Shaykh Sulaiman. Judul asal buku itu ialah *Fasl al-Khitab Fi al-Rad ala Muhammad ibn Abd. al-Wahhab*.²

-
1. Dr. Munir Al-Ajlani, *op.cit.*, hlm. 244.
 2. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. Abd. Aziz ibn Muhammad al-Abd. Latif, *op.cit.*, hlm. 40.

Jadi jika mengikut pendapat yang kedua ini, nama buku tersebut bukannya digunakan oleh saudaranya dari Najd tetapi oleh orang lain. Kalau mengikut pendapat Ahmad Amin pula penggunaan istilah tersebut pada mulanya diguna oleh musuh-musuh beliau. Kemudian akhirnya digunakan secara meluas oleh musuh dan penyokongnya. Ahmad Amin berkata:

"Sebenarnya walaupun istilah *Wahhabi* ini pada mulanya digunakan oleh musuh-musuh aliran fahaman tersebut, tetapi kemudian ia digunakan secara meluas oleh orang-orang Barat khususnya oleh sarjana-sarjana dan penulis-penulis mereka. Akhirnya istilah ini digunakan secara meluas oleh semua lapisan masyarakat sama ada daripada kalangan musuh atau penyokong-penyokongnya sehingga ia tersebar luas di mana-mana sahaja."¹

Dari situ jelaslah bahawa penggunaan perkataan *wahhabi*, pada mulanya digunakan oleh musuh-musuh beliau, kemudian lama kelamaan ia tersebar luas sehingga digunakan oleh semua orang sama ada musuh dan kawan.

Bagi pengikut-pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab mereka menolak penggunaan nama *Wahhabi*, mereka menamakan diri dan dakwah mereka dengan berbagai-bagai nama lain

1. Ahmad Amin, *op.cit.*, hlm. 10.

Kadang-kadang mereka menamakan "*orang Islam*" kadang-kadang dengan nama "*al-Muwahhidun*"¹ yang bermakna Pengikut fahaman ketuhanan yang Esa. Manakala dakwah mereka pula kadang-kadang dipanggil dengan nama "*Da'wah al-Tawhid*" atau "*Da'wah Salafiyyah*" atau dengan "*Da'wah*" sahaja. Walaupun banyak nama yang digunakan tetapi sebutan nama "*al-Muwahhidun*" lebih popular digunakan untuk pengikut-pengikut mereka dan nama "*Da'wah Salafiyyah*" lebih popular digunakan untuk dakwahnya.²

Walau bagaimanapun bagi sesetengah pengikut Muhammad Ibn Abd al-Wahhab sekarang, khususnya di tahun-tahun kebelakangan ini, mereka tidak lagi benci menggunakan istilah *Wahhabi* bahkan ada daripada mereka telah menggunakan istilah itu pada judul buku-buku karangan mereka. Ini kerana mereka yakin bahawa ajaran dakwah yang dibawa oleh Muhammad Ibn Abd al-Wahhab dan yang dianuti oleh mereka itu tidak menyeleweng bahkan sesuai dengan apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan yang diamalkan oleh *Selafus al-Salih*. Sebagai contoh,

-
1. Dipanggil dengan *Muwahhidun* kerana masalah tauhid atau ajaran mengesakan Allah menjadi asas penting ajaran dan dakwah mereka.
 2. Dr. Abdullah al-Salleh al-Uthaimin, *op.cit.*, hlm. 114-115.

Sulaiman ibn Sahman telah mengumpul beberapa risalah tulisan ulama'-ulama' tersebut, kemudian himpunan itu diberi judul *al-Hadiyyah al-Saniyyah wa al-Tuhfah al-Wahhabiyyah al-Najdiyyah*. Begitu juga Abdullah al-Qasim, seorang pengikut dakwah ini menulis kitab diberi judul *Al-Thaurah al-Wahhabiyyah*. Ahmad al-Faqi menulis kitab diberi judul *Atharu al-Da'wah al-Wahhabiyyah*. Manakala Muhammad Rasyid Rehda pula menulis sebuah kitab berjudul *al-Wahhabiyyun wa al-Hijaz*.¹

Demikianlah sedikit sebanyak penjelasan mengenai penggunaan perkataan *Wahhabi* di kalangan masyarakat sama ada di Barat ataupun di Timur. Begitu juga di kalangan golongan yang menyokong fahaman itu atau yang menentangnya. Apa yang jelas, penggunaan pakatan *Wahhabi* itu tetap subur dan lebih popular disebut jika dibandingkan dengan penggunaan perkataan "*Muwahhidun*" atau perkataan-perkataan lain lagi. Kerana itu mahu tidak mahu bagi golongan yang mengikut buah fikiran Muhammad Ibn Abd al-Wahhab terpaksa menerima walaupun pada hakikatnya mereka lebih suka menggunakan istilah-istilah lain.

1. *Ibid.*, hlm. 115.